



BUKU PANDUAN

Fakulti Sains Kognitif dan
Pembangunan Manusia

2009/2010

MAKLUMAT PELAJAR

NAMA

TARIKH LAHIR

NO MATRIK

PROGRAM

ALAMAT KAMPUS

ALAMAT TETAP

NO TELEFON

EMAIL

JIKA BERLAKU KECEMASAN, SILA HUBUNGI

MAKLUMAT MENTOR

NAMA/ALAMAT/NO TELEFON

Sekapur Sirih Seulas Pinang	3
UNIMAS GEMILANG	4
UNIMAS dalam Sejarah	
Visi UNIMAS	
Misi UNIMAS	
Motto UNIMAS	
Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi UNIMAS	6
FSKPM : 'The Signature Faculty'	7
Visi FSKPM	
Misi FSKPM	
Objektif FSKPM	
Budaya dan Nilai Fakulti	
Senarai Staf Jawatan Utama Fakulti	
PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN	10
Program Sains Kognitif	
Program Pembangunan Sumber Manusia	
Kursus-kursus Pembangunan Generik	
Kursus Elektif	
PERATURAN AKADEMIK UNIMAS	31
Kod Pakaian Pelajar	
Larangan Terhadap Plagiarisme	
KOD GANGGUAN SEKSUAL	33
LATIHAN INDUSTRI	34
Latihan Industri Program Sains Kognitif	
Latihan Industri Program Pembangunan Sumber Manusia	
PANDUAN PEPERIKSAAN	45
Gred dan Nilai Gred	
SISTEM MENTOR-MENTEE	48
Pengenalan	
Rasional	
Objektif Program 'Mentoring'	
Hari Mentor-Mentee	
Bidang Tugas Mentor Dan Mentee	
Rekod Akademik Pelajar	

YURAN PENGAJIAN	59
Bantuan Kewangan	
DIREKTORI STAF	60
Staf Akademik	
Staf Pentadbiran	
SINOPSIS KURSUS TERAS	68
Sinopsis Kursus Teras Jabatan Sains Kognitif	
Sinopsis Kursus Teras Jabatan Pembangunan Sumber Manusia	
Sinopsis Kursus Teras Fakulti	
REKOD AKADEMIK PELAJAR	83

Sekapur Sirih Seulas Pinang

Kata-kata aluan dari Dekan

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum dan salam sejahtera



Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada mahasiswa dan mahasiswi yang telah berjaya melangkah ke menara gading di Bumi Kenyalang ini. Kedatangan anda sebagai warga Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terutamanya di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) amat dialu-alukan.

Sebagai mahasiswa, anda perlu sentiasa menilai kemampuan diri secara proaktif dan realistik, mempelbagaikan cabang ilmu, melengkapkan diri dengan ilmu sains, teknologi dan bidang kemahiran selari dengan cabaran era globalisasi dan liberalisasi. Konsep pembelajaran berterusan amat digalakkan supaya anda sentiasa berfikiran kreatif dan kritikal terhadap perubahan yang berlaku. Minda kita akan menjadi lebih dinamik, konstruktif dan kompetitif. Namun dalam mengharungi cabaran sebagai pelajar universiti, jangan sesekali tergelincir dari lingkungan pendidikan luhur dan nilai ketimuran kita. Keluhuran adat dan warisan peradaban kita harus dihormati, di samping membuka minda untuk memahami ilmu dan pendapat dari pelbagai sumber di dalam dan luar negara.

Selaras dengan misi dan visi universiti, fakulti berhasrat untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik, tetapi berketerampilan dan berkualiti tinggi dari aspek sahsiah, personaliti dan akhlak yang mulia. Modal insan yang berwadahkan ciri-ciri di atas akan dapat menjayakan Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang akan disegani.

Kecemerlangan, berketerampilan dan berkemahiran dalam bidang ilmu tidak dapat dikecapi hanya dengan impian. Kegigihan, wibawa diri dan disiplin tinggi perlu dipupuk untuk mencapai kejayaan yang diidamkan. Oleh itu, adalah menjadi harapan Fakulti agar anda dapat menggunakan peluang di UNIMAS ini sebaik mungkin sebagai platform kecemerlangan masa hadapan. Semoga kehadiran mahasiswa dan mahasiswi ke UNIMAS ini bakal menjadi titik permulaan dalam mengatur langkah ke arah kecemerlangan demi masa depan yang gemilang.

Dr. Shahren Ahmad Zaidi Aduce

UNIMAS GEMILANG

UNIMAS dalam Sejarah

UNIMAS telah diumumkan penubuhannya pada tanggal 1 Oktober 1992 dan mula beroperasi secara rasmi pada 24 Disember 1992. UNIMAS yang merupakan universiti yang kelapan di Malaysia, dan telah ditubuhkan sejurus selepas pengisytiharan Wawasan 2020.

Pengambilan pelajar untuk kemasukan yang pertama adalah seramai 118 orang pelajar pada 8 Ogos 1993 dengan pembukaan Fakulti Sains Sosial (FSS) dan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS). Pelajar-pelajar ini ditempatkan sementara di Kolej Latihan Telekom, Simpang Tiga, Kuching sehingga tahun 1994 bersama-sama dengan 30 orang staf akademik sebelum Universiti berpindah ke Kampus Timur di Kota Samarahan, Sarawak. Kampus Timur UNIMAS di Kota Samarahan dirasmikan oleh Perdana Menteri yang keempat, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Ogos 1993 iaitu sempena Hari Kemerdekaan Malaysia ke-36.

Tahun 1994 menyaksikan penubuhan empat buah lagi fakulti iaitu FSKPM, Fakulti Sains Gunaan dan Kreatif (FSGK), Fakulti Kejuruteraan (FK) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Pengambilan pelajar kemasukan pertama bagi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) pula adalah pada tahun 1995, manakala Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) mula beroperasi pada tahun 1996.

Pembukaan Kampus Barat oleh Perdana Menteri yang kelima, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 18 April 2006 telah disaksikan oleh lebih 10,000 orang pelajar, staf dan orang awam, dan peristiwa bersejarah ini turut ditayangkan di RTM1. Kampus Barat ini mempunyai infrastruktur terkini yang mampu memberi kemudahan dan sokongan kepada pelajar dan juga kakitangan UNIMAS yang semakin meningkat, tahun demi tahun.

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi (Dr.) Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor, telah dilantik menjadi Canselor pertama UNIMAS. Manakala pada tahun 2001, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin dilantik menjadi Canselor kedua UNIMAS, menggantikan Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi (Dr.) Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor. Pada tanggal 1 Februari 2005, Prof. Datuk Dr. Yusuf Hadi telah dilantik menjadi Naib Canselor kedua UNIMAS setelah persaraan Dato' Prof. Dr. Zawawi Ismail. UNIMAS kemudian telah diterajui di bawah pimpinan Prof. Datuk Dr. Abdul Rashid Abdullah sebagai Naib Canselor UNIMAS yang ketiga.

UNIMAS kini dipimpin oleh Naib Canselor yang keempat iaitu Prof. Dr. Khairuddin Ab. Hamid dan beroperasi dengan lapan (8) buah fakulti, satu (1) Pusat Pengajian Bahasa dan tiga (3) institut penyelidikan.

Visi UNIMAS

Untuk menjadi universiti contoh yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menjadi pilihan pelajar dan ahli akademik melalui kecemerlangan pengajaran, kajian, dan keserjanaan.

Misi UNIMAS

Untuk melahirkan, menyebarkan dan mengaplikasikan pengetahuan secara strategik dan inovatif bagi meningkatkan kualiti budaya dan kemakmuran masyarakat setempat.

Motto UNIMAS

UNIMAS berhasrat untuk menjadi sebuah universiti yang bersifat kontemporari dan berpandangan jauh dalam membina sistem pembelajarannya. Sejak penubuhannya pada tahun 1992, UNIMAS telah berusaha untuk mendidik para pelajar bukan sahaja untuk memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan kemahiran dalam bidang masing-masing, tetapi juga bersifat menyeluruh, praktikal, dan berpegang dengan adat budaya. Usaha bagi meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran disokong dengan usaha untuk memperbaiki kualiti proses pengurusan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



**NAIB CANSELOR
PROF DR KHAIRUDDIN AB HAMID**



**TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
PROF DR FATIMAH ABANG**



**TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
PROF MADYA MOHD FADZIL ABDUL RAHMAN**



**TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
PROF DR PETER SONGAN**



**PENDAFTAR
AHMAD KATANG**



**BENDAHARI
HAJI MAZLAN KIFLIE**



**KETUA PUSTAKAWAN
MARGARET SIMENG**

FSKPM : 'The Signature Faculty'

FSKPM merupakan salah satu fakulti yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1994. Fakulti ini menawarkan dua buah kursus pengajian peringkat pra siswazah iaitu **Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Kognitif)** dan **Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia)**, dan sebuah kursus pengajian peringkat Sarjana iaitu **Sarjana Sains (Pembangunan Manusia)**.

Sains Kognitif merupakan ilmu gabungan pelbagai disiplin seperti Psikologi, Antropologi, Neurosains, Falsafah, Pendidikan, Linguistik, Kepintaran Buatan, Ergonomik, dan Sains Komputer. Kursus ini menekankan mengenai fungsi minda dalam meneroka aspek inovasi teknologi, prestasi insan dan produktiviti organisasi.

Manakala Pembangunan Sumber Manusia pula memfokus kepada peningkatan keupayaan individu untuk menjadi tenaga kerja yang cekap, mahir, inovatif dan beriltizam ke arah meningkatkan produktiviti organisasi.

Visi FSKPM

Menjadi fakulti pilihan dalam bidang Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia.

Misi FSKPM

Visi FSKPM di atas akan dicapai berdasarkan misi yang telah dikenal pasti iaitu:

- Membangunkan modal insan yang cemerlang.
- Mewujudkan persekitaran pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang kondusif.
- Mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperolehi dalam pelbagai konteks kehidupan.
- Mempraktikkan budaya keserjanaan cemerlang.
- Mengamalkan cara hidup yang sihat.

Objektif FSKPM

Beberapa objektif telah dikenal pasti untuk menjayakan visi dan misi FSKPM iaitu

- i. Menghasilkan siswazah yang kompeten dan berdaya saing melalui program pengajian yang kontemporari.
- ii. Menghasilkan penyelidikan ke arah meluaskan ilmu mengenai fungsi minda, peningkatan keupayaan serta potensi manusia khususnya melalui penggunaan teknologi tinggi,

- iii. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan khidmat.
- iv. Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar untuk menyokong dan menyumbang kepada perkembangan dan penyebaran ilmu
- v. Menggalakkan pembangunan komuniti fakulti melalui pembelajaran yang berterusan.

Budaya dan Nilai Fakulti

Beberapa budaya dan nilai telah dikenal pasti untuk diamalkan oleh warga fakulti seperti:

i. Semangat Bekerja Sebagai Satu Pasukan

- Semangat bekerja sebagai satu pasukan penting dalam mencapai matlamat fakulti di samping mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan saling hormat menghormati.

ii. Beriltizam

- Dalam memastikan kesinambungan budaya kerja yang cemerlang, keazaman dan dedikasi yang tinggi menjadi pemangkin dalam menyemarakkan keserjanaan di kalangan komuniti fakulti.

iii. Berbakti

- Budaya berbakti kepada masyarakat, pelajar dan organisasi hendaklah diamalkan oleh warga fakulti untuk meningkatkan imej fakulti.

iv. Membudayakan Kualiti

- Hasil penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan perkhidmatan yang berkualiti dapat meningkatkan imej fakulti di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa.

v. Mesra Teknologi

- Dalam usaha membentuk imej yang tersendiri sesuai dengan kerancangan perkembangan teknologi, usaha yang berterusan untuk menguasai teknologi harus dijadikan budaya kerja sebagai usaha meningkatkan kecemerlangan semua warga fakulti.

Senarai Staf Jawatan Utama Fakulti



Dr. Shahren Ahmad Zaidi Aduce
Dekan



Prof Madya Dr. Teh Chee Siong
Timbalan Dekan
Pascasiswazah dan Penyelidikan



Prof Madya Dr. Rusli Ahmad
Timbalan Dekan
Prasiswazah dan Pemajuan Pelajar



Dr. Norazila Abd Aziz
Ketua Jabatan Sains Kognitif



Puan Dayang Nailul Munna Abang Abdullah
Ketua Jabatan
Pembangunan Sumber Manusia



Encik Edris Aden
Ketua Jabatan Kaunseling



Dr. Tan Kock Wah
Penyelaras Program Sains Kognitif



Cik Agatha Lamentan Muda
Penyelaras Program Pembangunan
Sumber Manusia



Puan Nor Hasniah Ibrahim
Penyelaras Program Kaunseling



Dr. Hasbee Hj. Usop
Penyelaras Program Pendidikan



Dr. Sopian Bujang
Penyelaras Program Komersial MSc
(Pembangunan Sumber Manusia)



Khamisah Haji Ete
Penolong Pendaftar

PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

Program Sains Kognitif

Jabatan Sains Kognitif menawarkan program pengajian peringkat Sarjana Muda dalam bidang Sains Kognitif. Jumlah kredit yang perlu dipenuhi sebelum bergraduasi adalah sebanyak 121 kredit. Pelajar didedahkan dengan bidang Falsafah, Psikologi, Neuro Sains Kognitif, Ergonomik Kognitif, dan Kepintaran Buatan. Bidang ini membolehkan pelajar mengetahui mengenai mekanisme, proses dan keupayaan minda. Selain itu, ia membolehkan pembinaan sistem pintar yang berasaskan kepintaran minda atau yang menyerupai kepintaran manusia atau haiwan. Sistem berciri kepintaran manusia dapat membantu manusia dalam pelbagai cara seperti membuat keputusan, pengekaman objek dan pengekaman corak.

Penyelesaian masalah merupakan aspek penting untuk berjaya dalam pembelajaran program ini. Kemahiran penyelesaian masalah bukan sahaja diperlukan untuk mereka bentuk dan membangunkan sistem tetapi juga untuk pengaplikasian dalam pelbagai persekitaran yang melibatkan manusia.

Subjek-subjek penting seperti reka bentuk antara muka perisian dan juga produk dengan menggunakan prinsip-prinsip ergonomik dan psikologi kognisi juga diterapkan dalam kurikulum.

Pada tahun pertama, pelajar akan didedahkan dengan asas Sains Komputer dan bidang Sains Kognitif. Pada tahun kedua dan tahun ketiga, pelajar akan mempelajari dengan lebih mendalam bidang dalam Sains Kognitif. Pada tahun ketiga juga, pelajar akan diberi peluang untuk mengaplikasikan segala pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari sepanjang 3 tahun dalam bidang Sains Kognitif ke dalam industri.

Para pelajar akan mempunyai keupayaan berikut apabila bergraduasi:

- i. memahami psikologi dalam manusia dan aplikasinya untuk meningkatkan pencapaian manusia dalam organisasi;
- ii. membina sistem kepintaran dengan mengikuti langkah-langkah pembangunan sistem yang sesuai;
- iii. mengaplikasikan pengetahuan dalam bidang-bidang disebutkan di atas untuk pembangunan dan penyelidikan; dan
- iv. mengaplikasikan konsep ergonomik dan psikologi dalam reka bentuk produk berguna serta perisian.

Dengan keupayaan tersebut pelajar-pelajar boleh terlibat dalam pekerjaan yang berikut:

- i. pengatur cara sistem integrasi atau perisian yang melibatkan kecerdasan buatan;
- ii. pegawai sistem maklumat dalam organisasi sebagai pengatur cara atau penganalisis sistem maklumat;
- iii. pereka bentuk antara muka perisian atau produk pengguna (ergonomik);
- iv. perunding psikologi dalam penyelidikan produk-produk pengguna/komersial;
- v. pekerjaan yang melibatkan pemprosesan maklumat manusia; dan
- vi. sebagai pendidik dalam pembelajaran orang dewasa atau pendidikan awal.

PENAWARAN KURSUS MENGIKUT TAHUN PENGAJIAN

Tahun 1 Semester 1

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Status	Prasyarat
KMK1093	Asas Pengaturcaraan	3	T	Tiada
KMK1103	Struktur Diskret	3	T	Tiada
KMF1014	Pengenalan Sains Kognitif	4	T/E	Tiada
KMF1023	Psikologi Kognitif	3	T/E	Tiada
KMK1133	Pengantar Analisis Linguistik	3	T	Tiada
SSX0012	Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)	2	G	Tiada
TMX1010	Komputan Pengguna	0	G	Tiada
PBI0011/ PBI10XX	Persediaan Bahasa Inggeris I <i>atau</i> Pilihan Bahasa Inggeris I	0/2	G	Rujuk PPB
Jumlah Kredit		18/20		

Tahun 1 Semester 2

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Status	Prasyarat
KMK2213	Pengaturcaraan Berasaskan Objek	3	T	KMK1093
KMK2063	Kepintaran Buatan	3	T	Tiada
KMK1113	Kognisi dan Pembelajaran	3	T	Tiada
KMK1123	Kalkulus dan Algebra Linear	3	T	Tiada
KMF1043	Psikologi Perkembangan Manusia	3	T	Tiada
TMX2012	Alat Teknologi Maklumat bagi Pekerja Ilmuan	2	G	TMX1010
EBX0032	Asas Pembudayaan Keusahawanan	2	G	Tiada
PBI1021/ PBI10XX	Persediaan Bahasa Inggeris II <i>atau</i> Pilihan Bahasa Inggeris II	0/2	G	Rujuk PPB
Jumlah Kredit		19/21		

Tahun 2 Semester 1

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Status	Prasyarat
KMF2043	Tingkahlaku Manusia dan Organisasi	3	T/E	Tiada
KMK2033	Grafik Komputer	3	T	KMK1093
KMK2183	Kognisi dan Reka Bentuk	3	T	Tiada
KMF2014	Statistik	4	T	Tiada
KMK2133	Falsafah Minda	3	T	KMF1014
PBI10XX	Pilihan Bahasa Inggeris I	0/2	G	Rujuk PPB
	Kursus Elektif I	3	E	-
Jumlah Kredit		19/21		

Tahun 2 Semester 2

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Status	Prasyarat
KMF2024	Pengkaedahan Penyelidikan	4	T	Tiada
KMK2193	Neurosains Kognitif	3	T	KMF1014
KMK2223	Ergonomik Kognitif	3	T	KMK2183
KMK2233	Rangkaian Neuro Buatan	3	T	KMK1093
PBM2022	Bahasa Melayu	2	G	Tiada
SSX0022	Hubungan Etnik	2	G	Tiada
PBI10XX	Pilihan Bahasa Inggeris II	0/2	G	Rujuk PPB
Jumlah Kredit		17/19		

Tahun 3 Semester 1

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Status	Prasyarat
KMK3013	Sistem Berasaskan Pengetahuan	3	T	KMK2063
KMK3093	Kepintaran Berkomputer	3	T	KMK1093
KMK3083	Analisis dan Reka Bentuk Sistem Pintar	3	T	Tiada
KMK3113	Realiti Maya	3	T	Tiada
KMK4013	Pengaturcaraan Web	3	T	KMK1093
KMK3103	Projek Tahun Akhir I	3	T	KMF2024
	Kursus Elektif II	3	E	
	Jumlah Kredit	21		

Tahun 3 Semester 2

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Status	Prasyarat
KMK3053	Komputasi Linguistik	3	T	KMK1133
KMK3123	Logik & Pemikiran Kritis	3	T	Tiada
KMK3033	Interaksi Manusia Komputer	3	T	Tiada
KMK3063	Visi Komputer	3	T	KMK1093
KMK3104	Projek Tahun Akhir II	4	T	KMK3103
	Kursus Elektif III	3	E	Tiada
	Jumlah Kredit	19		

Tahun 3 Semester 3

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Status	Prasyarat
KMK3114	Latihan Industri	4	T	Tiada
	Jumlah Kredit	4		

Program Pembangunan Sumber Manusia

Organisasi dan industri dalam era moden memerlukan kecekapan dan adaptasi yang tinggi dalam menghadapi arus perubahan dan cabaran global yang kompleks. Maka, keperluan terhadap sumber manusia yang mahir, kompeten, proaktif dan responsif amatlah kritikal.

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia menawarkan kursus berbentuk multi-disiplin dan berfokuskan kepada pembangunan modal insan dengan keutamaan kepada peningkatan keupayaan minda dan pembangunan sikap yang positif bagi individu dan kumpulan serta organisasi keseluruhannya. Ini bertujuan untuk membantu pelajar mendalami ilmu dalam pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan produktiviti sumber manusia ke tahap yang paling maksima.

Jabatan menjanjikan kelainan dalam mengendalikan kursus yang berjumlah 120 kredit yang telah ditetapkan. Berbanding dengan program Pembangunan Sumber Manusia di institusi yang lain, program Pembangunan Sumber Manusia FSKPM sentiasa menitikberatkan aspek kognitif dalam pengubalan kursus terutama dari aspek pembuatan keputusan di kalangan pengamal sumber manusia.

Penekanan diberikan dengan memfokuskan kepada kekuatan dan nilai berharga di sebalik minda sumber manusia itu sendiri. Oleh itu, pelajar akan dibimbing untuk menganalisis dan membuat sintesis mengenai pelbagai tingkah laku, pemikiran dan interaksi manusia dalam sesebuah organisasi. Selain itu, pelajar juga akan didedahkan dengan situasi sebenar persekitaran kerja melalui latihan industri.

Siswazah daripada program ini berpeluang untuk menjawat jawatan seperti Pengurus Sumber Manusia, Pegawai Personel, Pegawai Latihan, Pegawai Pemajuan Staf, Pegawai Buruh dan pekerjaan lain yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

PENAWARAN KURSUS MENGIKUT TAHUN PENGAJIAN

Tahun 1 Semester 1

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Klasifikasi	Prasyarat
KMS1013	Matematik Perniagaan	3	T	Tiada
KMS1023	Pengurusan Organisasi	3	T	Tiada
KMS1024	Pengurusan Sumber Manusia	4	T/E	Tiada
KMF1014	Pengenalan Sains Kognitif	4	T/E	Tiada
KMF1023	Psikologi Kognitif	3	T/E	Tiada
SSX0012	Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)	2	G	Tiada
TMX1010	Komputan Pengguna	0	G	Tiada
PBI0011/ PBI10XX	Persediaan Bhs Inggeris I <i>atau</i> Pilihan Bhs Inggeris I	0/2	G	Rujuk PPB
Jumlah Kredit		19/21		

Tahun 1 Semester 2

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Klasifikasi	Prasyarat
KMC1093	Perkembangan Personaliti	3	T	Tiada
KMF1043	Psikologi Perkembangan Manusia	3	T	Tiada
KMK2193	Neurosains Kognitif	3	T	KMF1014
KMS1034	Pembangunan Sumber Manusia	4	T/E	Tiada
TMX2012	Alat Teknologi Maklumat bagi Pekerja Ilmuan	2	G	TMX1010
EBX0032	Asas Pembudayaan Keusahawanan	2	G	Tiada
PBI0021/ PBI10XX	Persediaan Bhs Inggeris II <i>atau</i> Pilihan Bhs Inggeris II	0/2	G	Rujuk PPB
Jumlah Kredit		17/19		

Tahun 2 Semester 1

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Klasifikasi	Prasyarat
KMF2043	Tingkah laku Manusia dan Organisasi	3	T/E	Tiada
KMS2014	Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan	4	T	Tiada
KMS2024	Pembangunan Organisasi dan Perubahan	4	T	Tiada
KMF2014	Statistik	4	T	Tiada
PBI10XX	Pilihan Bahasa Inggeris I	0/2	G	Rujuk PPB
	Kursus Elektif I	3	E	-
Jumlah Kredit		18/20		

Tahun 2 Semester 2

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Klasifikasi	Prasyarat
KMF2024	Pengkaedahan Penyelidikan	4	T	Tiada
KMS2034	Perundangan Pekerjaan	4	T	Tiada
PBM2022	Bahasa Melayu	2	G	Tiada
SSX0022	Hubungan Etnik	2	G	Tiada
PBI10XX	Pilihan Bahasa Inggeris II	0/2	G	Rujuk PPB
	*Elektif Program I	3	T/E	Tiada
	Kursus Elektif II	3	E	-
Jumlah Kredit		18/20		

Tahun 3 Semester 1

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Klasifikasi	Prasyarat
KMS3014	Hubungan Industri	4	T	Tiada
KMS3024	Pembelajaran Organisasi	4	T	Tiada
KMS3034	Pembangunan Kerjaya Dalam Organisasi	4	T	Tiada
KMS3103	Projek Tahun Akhir I	3	T	KMF2024
	*Elektif Program II	3	T/E	Tiada
	Kursus Elektif III	3	E	-
Jumlah Kredit		21		

Tahun 3 Semester 2

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Klasifikasi	Prasyarat
KMS3044	Keseimbangan Hidup Bekerja	4	T	Tiada
KMS3054	Sistem Maklumat Sumber Manusia	4	T	Tiada
KMS3064	Pembangunan Sumber Manusia Strategik	4	T	Tiada
KMS3104	Projek Tahun Akhir II	4	T	KMS3103
	*Elektif Program III	3	T/E	Tiada
Jumlah Kredit		19		

Tahun 3 Semester 3

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Klasifikasi	Prasyarat
KMS3114	Latihan Industri	4	T	Tiada
Jumlah Kredit		4		

**Berikut adalah senarai kursus yang boleh dipilih oleh pelajar program Pembangunan Sumber Manusia sebagai Elektif Program yang ditawarkan bermula Tahun 2 Semester 2.*

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Prasyarat	Semester Ditawarkan (pilih satu)
KMS2063	Pengurusan Kualiti dan Produktiviti	3	KMS1023	Tahun 2 Semester 2
KMS2073	Pengurusan Pampasan dan Faedah	3	KMS1024	
KMS2083	Perancangan, Pengambilan dan Pemilihan Sumber Manusia	3	KMS1024	Tahun 3 Semester 1
KMS3033	Pengurusan Prestasi	3	KMS1024	
KMS3053	Pengurusan Strategik	3	KMS1023	Tahun 3
KMS3063	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3	KMS1024	Semester 2

Klasifikasi Kursus	Kredit
▪ Kursus Teras Fakulti (T)	97
▪ Kursus Generik (G)	14
▪ Kursus Elektif (E)	9
Jumlah Keseluruhan Kredit	120

Kursus-kursus Pembangunan Generik

Sebagai syarat untuk bergraduasi, pelajar perlu mengambil 12 kredit kursus generik. Kursus ini mampu meningkatkan kemahiran analitikal, berkomunikasi dan teknologi maklumat. Selain itu, ia dapat menghasilkan pelajar yang mahir berdwibahasa (Bahasa Melayu dan Inggeris).

*Semua kursus yang ditawarkan adalah tertakluk kepada perubahan semasa.

(Nota : Pelajar dicadangkan mengambil kursus Elektif mulai Tahun 2, Semester 1)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Catatan
PBI1012	English for Professional Purposes	2	} Pelajar dikehendaki memilih 2 kursus sahaja
PBI1022	Creative Writing In English	2	
PBI1032	Academic Reading and Writing	2	
PBI1052	English for the Real World	2	
PBI1062	English for Self-Expression	2	
TMX2012	Alat Kuasa untuk Pekerja Ilmuan	2	
PBM2022	Bahasa Malaysia	2	
SSX0012	TITAS 1	2	
SSX0022	Hubungan Etnik	2	
EBX0032	Asas Pembudayaan Keusahawanan	2	
	Jumlah kredit	14	

Kursus Pengukuhan (R)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Catatan
TMX1011	Komputan Pengguna	0	Diambil oleh pelajar yang tidak menduduki atau gagal dalam UPIT (Ujian Penempatan IT)
PBI0011	Preparatory English 1	0	Perlu diambil oleh pelajar yang mendapat MUET Band 1-3
PBI0021	Preparatory English II	0	Prasyarat PBI 0011. Bagi Pelajar yang Lulus <i>Preparatory English 1</i>
Jumlah kredit		0	

Kursus Senggang (S)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Catatan
PPX1011	Aktiviti Senggang	1	
Jumlah		1	

Kursus Elektif

Setiap pelajar perlu mengambil kursus Elektif sekurang-kurangnya 9 kredit sepanjang pengajian sebagai syarat bergraduat. Kursus-kursus ini boleh diambil dari fakulti lain atau dari program lain di fakulti yang sama. Senarai kursus Elektif yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut.

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus (BM & BI)	Semester Penawaran	Jam Kredit	Catatan
<u>FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN</u>					
1.	EBE1014	Prinsip Ekonomi	1&2	4	
2.	EBF1033	Asas Perakaunan	1&2	3	
3.	EBF1023	Asas Kewangan	1&2	3	
4.	EBP1014	Prinsip Pemasaran	1&2	4	
5.	EBM1063	Pengenalan Kepada Pengurusan Perniagaan	1&2	3	
<u>FAKULTI KEJURUTERAAN</u>					
1	KNS1042	Bahan Kejuruteraan Sivil	1	2	
2	KNL1023	Teori Litar	1	3	
3	KNL1233	Teknologi Kejuruteraan Elektrik	1	3	
4	KNJ1042	Kejuruteraan Bahan I	1	2	
5	KNS1063	Kekuatan Bahan	2	3	
6	KNS1102	Kejuruteraan Geologi	2	2	

7	KNL1053	Elektronik Analog	2	3
8	KNL1253	Elektronik Digital	2	3
9	KNJ1112	Kejuruteraan Bahan II	2	2
10	KNJ1053	Mekanik Bendalir I	2	3
11	KNJ2103	Mekanik Bendalir II	2	3
12	KNP2013	Teknologi Pembuatan	2	3

FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

1.	MEC1013	Basic First Aid	1	3	Ditawarkan kepada pelajar FPSK
2.	MEC1023	Introduction to Medical Genetics	1	3	Ditawarkan kepada pelajar kampus Kota Samarahan
3.	MEC1033	Healthy Lifestyle	1	3	Ditawarkan kepada pelajar FPSK
4.	MEC1013	Basic First Aid	2	3	Ditawarkan kepada pelajar FPSK
5.	MEC1023	Introduction to Medical Genetics	2	3	Ditawarkan kepada pelajar FPSK
6.	MEC1033	Healthy Lifestyle	2	3	Ditawarkan kepada pelajar kampus Kota Samarahan

FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

1	KMC1013	Falsafah dan Prinsip Bimbingan Kaunseling	1	3
2	KMC1083	Kemahiran Asas Menolong	1	3
3	KMC2063	Psikologi Sosial	1	3
4	KMS1024	Pengurusan Sumber Manusia	1	4
5	KMF1014	Pengenalan Sains Kognitif	1	4
6	KMF1023	Psikologi Kognitif	1	3
7	KMF2043	Tingkhilaku Manusia dan Organisasi	1	3
8	KMF2043	Kognisi dan Tingkah laku	1	3
9	KMC1013	Falsafah dan Prinsip Bimbingan Kaunseling	2	3
10	KMC1083	Kemahiran Asas Menolong	2	3
11	KMC2063	Psikologi Sosial	2	3
12	KMS1034	Pembangunan Sumber Manusia	2	4
13	KMS3043	Sistem Maklumat Sumber Manusia	2	3
14	KMS2013	Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan	3	3
15	KMS3013	Model Kognitif dan Pengurusan	3	3

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER

1.	STA1033	Sains Akuatik dan Kehidupan Harian	1	3	Ditawarkan kepada semua program kecuali WS49
2.	STF2113	Sains dan Teknologi Perakayuan	1	3	Ditawarkan kepada semua program
3.	STB1013	Biologi Sel	1	3	Ditawarkan kepada semua program
4.	STH3023	Biologi Pemuliharaan	1	3	Ditawarkan kepada semua program
5.	STF1053	Biodiversiti	1	3	Ditawarkan kepada semua program
6.	STT3063	Pengurusan Ladang Tanaman	1	3	Ditawarkan kepada semua program
7.	STK3012	Sistem Pengurusan Alam Sekitar	1	2	Ditawarkan kepada semua program
8.	STA1033	Sains Akuatik dan Kehidupan Harian	2	3	Ditawarkan kepada semua program kecuali WS49
9.	STB1073	Pengantar Bioteknologi	2	3	Ditawarkan kepada semua program kecuali WS47
10.	STF3053	Kemerosotan Bio dan Pengawetan Kayu	2	3	Ditawarkan kepada semua program program
11.	STB3092	Isu Sosial Dalam Bioteknologi	2	2	Ditawarkan kepada semua program program
12.	STH2063	Teknik dalam Ekologi Molekul	2	3	Ditawarkan kepada WS49 sahaja
13.	STH3033	Pengurusan Haiwan Kurungan	2	3	Ditawarkan kepada semua program
14.	STH3043	Pengurusan Taman & Hidupan Liar	2	3	

FAKULTI SAINS SOSIAL

1	SSF1023	Psikologi Kontemporari	1	3
2	SSF1063	Komunikasi dan Masyarakat	1	3
3	SSA2043	Pengenalan Ekonomi Antarabangsa	1	3
4	SSA2063	Organisasi-organisasi Antarabangsa	1	3
5	SSA3053	Dasar Luar Malaysia	1	3
6	SSB2043	Sosiologi Kerja	1	3
7	SSB2093	Perlakuan Organisasi	1	3
8	SSB3023	Hubungan Industri Bandingan	1	3
9	SSK2053	Prinsip dan Amalan Perhubungan Awam	1	3
10	SSK3023	Komunikasi Organisasi	1	3
11	SSP2013	Sistem Perundangan Malaysia	1	3
12	SSP2043	Sistem Politik Bandingan	1	3
13	SSR2023	Dimensi Alam Sekitar Dalam Pembangunan	1	3
14	SSR3033	Teori dan Teknik Perancangan Wilayah	1	3
15	SSR3054	Penderiaan Jarak Jauh dan Sistem Maklumat Geografi	1	4

16	SSS2012	Organisasi Sosial	1	2
17	SSS2043	Pembangunan Manusia dalam Konteks Persekitaran	1	3
18	SSS3023	Pengkhususan Khidmat Sosial 3 : Wanita dan Minoriti	1	3
19	SSF1023	Psikologi Kontemporari	2	3
20	SSF1063	Komunikasi dan Masyarakat	2	3
21	SSA2093	Politik ASEAN	2	3
22	SSA3043	Isu-isu Semasa Hubungan Antarabangsa	2	3
23	SSB3043	Perundingan dan Penyelesaian Konflik Pengurusan Pekerja	2	3
24	SSB3073	Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja	2	3
25	SSK2063	Komunikasi Pemasaran dan Periklanan	2	3
26	SSK3053	Komunikasi Antarabangsa	2	3
27	SSK3073	Komunikasi Antarabudaya	2	3
28	SSP2033	Sistem Politik Malaysia	2	3
29	SSP3043	Politik Negara Membangun	2	3
30	SSP3073	Ekologi Politik	2	3
31	SSR3043	Demografi	2	3

32	SSR3073	Pembangunan Pengorganisasian	2	3
33	SSS3033	Pengkhususan Khidmat Sosial 4 : Perubatan dan Kesihatan	2	3
34	SSS3062	Perbandingan Sistem Perkhidmatan Sosial Antarabangsa	2	2
<u>FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF</u>				
1	GKV1033	Asas Fotografi	1	3
2	GKS1013	Pengenalan Sinema	1	3
3	GKS2063	Sinema Asia	1	3
4	GKM1043	Pengenalan Muzik	1	3
5	GKM1022	Sejarah Muzik 1	1	3
6	GKM1083	Apresiasi Muzik	1	3
7	GKP1073	Pengajian Warisan Dan Budaya	1	3
8	GKP2053	Gelagat Manusia Dalam Organisasi	1	3
9	GKS1043	Sinema Malaysia	1	3
10	GKG1043	Pengenalan Ilustrasi	1	3
11	GKP1043	Komunikasi Dalam Seni	1	3
12	GKV1033	Asas Fotografi	2	3

13	GKS2063	Sinema Asia	2	3
14	GKM1043	Pengenalan Muzik	2	3
15	GKM1083	Apresiasi Muzik	2	3
16	GKP1073	Pengajian Warisan Dan Budaya	2	3
17	GKP2053	Gelagat Manusia Dalam Organisasi	2	3
18	GKS1043	Sinema Malaysia	2	3
19	GKP1043	Komunikasi Dalam Seni	2	3

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

1.	TME1033	Pengenalan kepada Sistem Kepintaran Buatan	1&2	3
2.	TMT1013	Rekabentuk dan Teknologi Web	1&2	3
3.	TMS1013	Eksekusi dalam Matematik Moden	1&2	3
4.	TMN1013	Pengenalan kepada Teknologi Komputer	1&2	3
5.	TMI1013	Pengenalan kepada Sistem Maklumat	1&2	3

PUSAT PENGAJIAN BAHASA

1.	PBA0033	Bhs Arab Peringkat 1	1&2	3
2.	PBA0043	Bhs Arab Peringkat 2	1&2	3
3.	PBC0033	Bhs Mandarin Peringkat 1	1&2	3
4.	PBC0043	Bhs Mandarin Peringkat 2	1&2	3
5.	PBJ0033	Bhs Jepun Peringkat 1	1&2	3
6.	PBJ0043	Bhs Jepun Peringkat 2	1&2	3

PERATURAN AKADEMIK UNIMAS

Semua pelajar adalah tertakluk kepada peraturan akademik UNIMAS. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Buku Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda UNIMAS.

Kod Pakaian Pelajar

Pelajar dikehendaki menjaga nama baik UNIMAS dengan mempamerkan penampilan diri, berpakaian kemas dan segar bersesuaian dengan status sebagai seorang pelajar UNIMAS. Kod berpakaian pelajar UNIMAS yang diwartakan adalah seperti berikut :

1. Pakaian untuk kuliah (lelaki);
 - kemeja dimasukkan ke dalam seluar;
 - seluar panjang;
 - kasut, stoking;
 - memakai kad pelajar; dan
 - berambut kemas.
2. Pakaian untuk kuliah (perempuan);
 - selesa dan sopan;
 - berkasut;
 - memakai kad pelajar; dan
 - berambut kemas.

Nota : Pelajar **tidak dibenarkan** memakai pakaian sukan, selipar dan baju tidak berlengan (*sleeveless*).

Larangan Terhadap Plagiarisme

1. Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan dan/atau ciptaan orang lain.
2. Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah:
 - i. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
 - ii. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan dan/atau ciptaan yang sebenarnya diambil dari satu atau beberapa sumber lain.

3. Tanpa menjejaskan keluasan makna sub-kaedah 2 di atas, seseorang pelajar memplagiat apabila dia :
- i. menerbitkan, dengan sendirinya sebagai pengarang suatu ringkasan, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain; atau
 - ii. menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel atau kertas saintifik/akademik/buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada hasil yang di atas; atau
 - iii. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik tertentu atau sebagai pengarang bersama apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama; atau
 - iv. memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, sama ada diterbitkan atau tidak, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian dari penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal; atau
 - v. menggunakan data penyelidikan yang diperolehi melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak, orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian dari penyelidikan akademik yang berbeza, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data; atau
 - vi. menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu; atau
 - vii. menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain dari satu bahasa lain sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau
 - viii. memetik idea dari penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa pengubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusunnya semula dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

KOD GANGGUAN SEKSUAL

UNIMAS mempunyai prosedur tertentu untuk menangani aduan mengenai gangguan seksual. Gangguan seksual didefinisikan sebagai kelakuan yang bersifat seksual yang tidak diundang, tidak disenangi mahupun dikehendaki. Kelakuan tersebut akan menyebabkan seseorang merasa jijik, terhina atau terancam. Gangguan seksual boleh dikategorikan dalam lima bentuk, seperti berikut:

1. Lisan – Contohnya, kata-kata dan jenaka berunsur lucah atau menjijikkan, komen, sindiran, dan perbualan yang berunsur seksual.
2. Bukan Lisan/Gerakan anggota badan – Contohnya, pandangan yang menghairahkan, menjilat bibir dengan cara provokatif, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang menandakan aktiviti seksual.
3. Visual – Contohnya, menunjukkan bahan-bahan lucah, gambar yang menjijikkan, lakaran atau tulisan berunsur seksual dan mendedahkan bahagian seks.
4. Psikologikal – Contohnya, berterusan mengulangi jemputan social yang tidak disenangi.
5. Fizikal – Contohnya, kelakuan yang tidak senonoh seperti menyentuh, menepuk, mencubit, meraba, memeluk, mencium, dan serangan seksual.

Universiti memandang isu dan masalah mangsa gangguan seksual ini dengan amat serius. Pelajar diminta supaya tidak mendiamkan diri sekiranya mengalami gangguan seksual seperti yang dinyatakan di atas. Keberanian anda akan membantu mencegah masalah ini dan menyelamatkan pelajar lain dari menjadi mangsa. Sekiranya anda menghadapi masalah yang dianggap sebagai gangguan seksual, sila hubungi Mentor/Kaunselor/Ketua Jabatan/Timbangan Dekan/Dekan atau sesiapa di kalangan staf university yang anda percayai. Semua pertanyaan dan aduan yang dibuat akan dirahsiakan dan dipertimbangkan secara adil.

LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri Program Sains Kognitif

Latihan Industri merupakan salah satu keperluan untuk bergraduasi dan diwajibkan kepada semua pelajar tahun akhir Program Sains Kognitif. Tempoh yang ditetapkan ialah 1 semester (atau bergantung kepada keperluan organisasi). Pemilihan organisasi bergantung kepada minat pelajar dan persetujuan daripada pihak Fakulti.

Program latihan industri yang diwajibkan kepada pelajar-pelajar akan memberi peluang kepada mereka untuk mengasah minat dan bidang yang diceburi dalam arena pekerjaan yang sebenar daripada cabang-cabang ilmu yang terangkum dalam Sains Kognitif selain mendedahkan skop serta bidang kerja sebenar yang bakal ditempuhi oleh pelajar Sains Kognitif kelak.

Pengurusan Latihan

Untuk memastikan latihan industri program Sains Kognitif dilaksanakan mengikut bidang-bidang yang relevan dan memberi manfaat yang berguna kepada pelajar dan organisasi serta kepentingan kepada masyarakat, latihan industri ini adalah lebih menjurus kepada bentuk pembelajaran berasaskan projek.

Ia adalah salah satu pendekatan yang komprehensif yang membolehkan pelajar bekerja dalam satu pasukan atau secara individu dalam satu projek yang telah dikenal pasti. Antara kelebihan pembelajaran berasaskan projek adalah:

- Mengetahui dan mempelajari ilmu pengetahuan dalam bidang yang diminati dengan lebih mendalam
- Meningkatkan lagi 'self-direction' dan motivasi diri
- Peningkat dan memperbaiki kemahiran dalam bidang penyelidikan dan penyelesaian masalah

Melalui latihan industri ini, pelajar-pelajar dikehendaki menjalankan satu projek atau satu fasa projek yang telah dikenal pasti dengan organisasi yang akan menjalankan latihan industri. Projek tersebut hendaklah dijalankan (dimulakan dan ditamatkan) di dalam tempoh latihan industri yang telah ditetapkan iaitu selama 10 minggu (atau mengikut permintaan organisasi). Diakhir projek, pelajar dikehendaki menghasilkan produk/sistem, laporan penyelidikan atau prototaip yang lengkap untuk diserahkan kepada organisasi dan fakulti beserta laporan akhir mengenai projek tersebut.

Objektif Latihan Industri

Objektif latihan industri adalah untuk menyediakan dan mendedahkan pelajar-pelajar ke alam pekerjaan yang sebenar supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan daripada pihak organisasi serta mahir menghadapi situasi sebenar di alam pekerjaan.

Objektif Khusus

Objektif yang telah dikenal pasti adalah seperti di bawah:

1. Memperkenalkan peranan dan sumbangan bidang Sains Kognitif kepada organisasi;
2. Memahami secara lebih mendalam tentang bidang Sains Kognitif secara praktikal dan teori;
3. Mengaitkan dan mengaplikasikan teori bidang Sains Kognitif yang telah dipelajari kepada situasi sebenar dalam arena pekerjaan;
4. Mengetahui dan memberi tumpuan kepada konsep penyelidikan dan pembangunan di pelbagai organisasi; dan
5. Menjalinkan hubungan di antara universiti dengan organisasi.

Faedah Kepada Organisasi

Latihan industri turut memberi manfaat kepada organisasi. Di antaranya:

1. Memanfaatkan pengetahuan dan aplikasi bidang Sains Kognitif di dalam organisasi untuk peningkatan kualiti dan produktiviti.
2. Menyumbang kemahiran dan kepakaran kepada organisasi daripada pelajar.
3. Melebarkan jaringan hubungan antara universiti dan organisasi.

Faedah kepada pelajar

1. Menghasilkan satu projek yang relevan dengan apa yang telah dipelajari di UNIMAS terutama dalam bidang Sains Kognitif dan memberi kepentingan kepada organisasi, masyarakat dan juga diri sendiri;
2. Memantapkan lagi tahap kemahiran dan kepakaran dalam penyelidikan dan pembangunan;
3. Menilai semula kekuatan, dan kelemahan sendiri, dan minat dalam bidang - bidang Sains Kognitif; dan
4. Menambah pengalaman, kemahiran dan pengetahuan seperti berikut:
 - pengurusan organisasi
 - kepimpinan
 - pengurusan projek
 - kerjasama dan semangat berpasukan
 - komunikasi
 - keusahawanan

Peranan Organisasi Dalam Latihan Industri

1. Kelulusan dan kebenaran kertas cadangan projek
 - Meluluskan kertas kerja projek yang dicadangkan oleh pelajar dan membenarkan pelajar menjalankan projek yang telah diluluskan mengikut bidang yang relevan dalam penyelidikan dan pembangunan di organisasi terbabit.
2. Perlantikan penyelia
 - Melantik dan menempatkan seorang/lebih penyelia dalam bidang-bidang berkaitan untuk memantau, membimbing dan memberi tunjuk ajar serta arahan kepada pelajar sepanjang tempoh latihan.
 - Memberi penjelasan mengenai syarat, peraturan kerja dan disiplin yang perlu dipatuhi oleh pelajar semasa latihan industri dijalankan. Teguran yang membina untuk meningkatkan potensi diri pelajar amat digalakkan.
 - Menyediakan satu rancangan program latihan yang sesuai dengan aktiviti semasa organisasi dan bidang yang ditawarkan di Fakulti.
 - Memantau etika kerja dan disiplin pelajar yang sedang menjalani latihan industri.
3. Penyeliaan dan penilaian
 - Mengisi dan mengembalikan borang **CS-LI-03** mengenai prestasi dan pencapaian pelajar sepanjang tempoh latihan di organisasi untuk penyalaras latihan industri di universiti.
 - Menyediakan laporan terperinci mengenai prestasi dan pencapaian projek yang dijalankan sepanjang tempoh latihan di organisasi dan serahkan kepada penyalaras latihan industri di universiti beserta borang **CS-LI-06**.
 - Antara isi kandungan laporan yang dicadangkan adalah seperti berikut :
 - a. Ulasan terperinci penyelia organisasi mengenai prestasi dan pencapaian projek yang dijalankan seperti hasil projek, kepentingan projek, kelemahan, kekuatan dan kepentingannya kepada pelajar, organisasi serta masyarakat.
 - b. Cadangan dan pengukuhan projek untuk masa akan datang.
 - Mengesahkan buku log pelajar pada setiap akhir minggu.

Peraturan Dan Panduan Untuk Pelajar Semasa Menjalani Latihan Industri

1. Pelajar diingatkan supaya bersifat bertanggungjawab kepada organisasi dengan melaksanakan semua tugas yang diberi dengan penuh dedikasi dan dengan cara yang terbaik.
2. Pelajar perlu menunjukkan inisiatif dan sifat proaktif, mereka perlulah mencari tugas-tugas yang perlu dilaksanakan daripada pihak penyelia.

3. Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh organisasi.
4. Pelajar dilarang sama sekali datang lewat atau pulang awal dari waktu yang ditetapkan kecuali dengan izin penyelia.
5. Pelajar juga dilarang sama sekali tidak hadir ke tempat kerja kecuali kerana sakit atau kematian/sakit teruk anggota keluarga terdekat. Sijil sakit dan / atau sijil pengesahan kematian hendaklah diserahkan kepada penyelia secepat mungkin.
6. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan maklumat mengenai organisasi tempat latihan selain daripada tujuan latihan praktikal kecuali terlebih dahulu mendapat izin secara bertulis dari organisasi berkenaan.
7. Pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan dilarang sama sekali memakai jeans dan t-shirt serta pakaian menjolok mata.
8. Semua pelajar dikehendaki melengkapkan tempoh latihan industri yang telah ditetapkan.
9. Pada setiap masa, pelajar perlu menjaga nama baik Fakulti dan UNIMAS.

Peranan Pelajar

1. **Disiplin**
Pelajar hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan.
2. **Pembentukan Peribadi**
Pelajar hendaklah menganggap latihan industri sebagai peluang untuk membentuk peribadi dan sikap positif terhadap kerja dan mengendalikan kerja secara profesional.
3. **Perlaksanaan Latihan dan Laporan**
Pelajar dikehendaki melaksanakan latihan/projek dan bekerjasama dengan pihak organisasi. Pelajar juga mesti merekod diari, log kerja pada setiap minggu sepanjang latihan untuk dijadikan bahan penulisan laporan. Pelajar perlu berbincang dengan penyelia latihan untuk memastikan ketepatan penulisan laporan.

Penilaian

Semua pelajar yang menjalani latihan industri akan dinilai. Pengagihan markah penilaian prestasi latihan industri adalah seperti berikut:

1. Penilaian penyelia latihan di organisasi berdasarkan borang CS-LI-03 dan laporan	40%
2. Penilaian dari pensyarah (borang CS-LI-04)	20%
3. Catatan aktiviti di dalam buku log oleh pelajar (perlu disahkan oleh penyelaras di organisasi)	10%
4. Laporan bertulis oleh pelajar	30%
Jumlah	100%

Borang-Borang Yang Berkaitan

1. Borang CS-LI-01: Borang Penerimaan Pelajar oleh Organisasi

Borang ini perlu diisi oleh penyelia di organisasi dan dikembalikan kepada penyelaras latihan industri selepas keputusan dibuat oleh organisasi untuk menerima atau menolak penempatan pelajar untuk menjalankan latihan industri di organisasi tersebut.

2. Borang CS-LI-02 : Borang Pendaftaran Pelajar Ke Organisasi

Borang ini perlu diisi oleh pelajar dan kemudian diserahkan kepada penyelia di organisasi pada hari pertama melapor diri untuk disahkan. Setelah mendapat pengesahan daripada penyelia, pelajar dikehendaki mengembalikan borang ini kepada penyelaras latihan industri dalam jangkamasa 7 hari dari tarikh bermulanya latihan industri.

3. Borang CS-LI-03: Borang Prestasi Latihan Industri (Penyelia)

Borang ini perlu diisi oleh penyelia di organisasi setelah penilaian dibuat ke atas pelajar dan ia perlu dikembalikan kepada penyelaras latihan industri selewat-lewatnya 7 hari setelah pelajar menamatkan latihan industri di organisasi.

4. Borang CS-LI-04: Borang Prestasi Latihan Industri (Pensyarah)

Borang ini perlu diisi oleh pensyarah yang menyelia/melawat pelajar di organisasi. Pensyarah dikehendaki mengembalikan borang ini kepada penyelaras latihan industri selewat-lewatnya 7 hari selepas penyeliaan/lawatan dibuat.

5. Borang CS-LI-05: Borang Prestasi Latihan Industri (Pelajar)

Borang ini perlu diisi oleh pelajar setelah penilaian dibuat ke atas organisasi dan ia perlu dikembalikan kepada penyelar latihan industri selewat-lewatnya **7 hari** selepas menamatkan latihan industri di organisasi. Borang ini dikembalikan bersama laporan bertulis dan buku log serta prototaip sistem/produk (jika ada).

6. Borang CS-LI-06: Borang Pengesahan Penerimaan Laporan Latihan Industri

Borang ini perlu diisi oleh penyelia di organisasi setelah laporan bertulis latihan industri diterima daripada pelajar dan ia perlu dikembalikan kepada penyelar latihan industri selewat-lewatnya **7 hari** daripada tarikh penerimaan laporan latihan industri pelajar.

Penilaian Oleh Penyelia

Laporan oleh penyelia akan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

1. Komunikasi

Keupayaan pelajar menyampaikan idea melalui lisan dan penulisan secara tersusun dan berkesan.

2. Penampilan

Keupayaan pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan (sosial dan profesional) dalam perhubungan dengan orang lain di tempat latihan iaitu kakitangan, pegawai atasan dan pelanggan.

3. Rupa diri

Diukur dari segi ciri-ciri fizikal (lahiriah yang dipamerkan) seperti pakaian, rambut dan kebersihan diri.

4. Keakuran

Kesanggupan pelajar menepati segala keperluan dan peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan Fakulti.

5. Kesungguhan

Dilihat dari segi minat yang ditunjukkan oleh pelajar dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

6. Keyakinan diri

Kesanggupan pelajar melaksanakan tugas, menyuarakan pendapat tanpa rasa takut dan teragak-agak.

7. Inisiatif

Diukur dari segi keinginan dan kesanggupan pelajar mempelajari sesuatu tugas tanpa mengharapkan terlalu banyak arahan.

8. Pengetahuan

Keupayaan pelajar melaksanakan tugas seperti yang diharapkan.

9. Hasil tugas

Kemampuan pelajar menghasilkan kualiti kerja mengikut piawai yang ditetapkan.

Seseorang pelajar yang diberi nilai kurang daripada 50 markah dikehendaki supaya mengulang latihan industrinya.

Latihan Industri Program Pembangunan Sumber Manusia

Latihan Industri merupakan salah satu keperluan untuk bergraduasi dan diwajibkan kepada semua pelajar tahun tiga Program Pembangunan Sumber Manusia. Tempoh yang ditetapkan ialah 1 semester iaitu pada semester terakhir pengajian. Pemilihan agensi bergantung kepada minat pelajar dan persetujuan daripada pihak Fakulti.

Objektif Latihan Industri

Objektif umum latihan industri ialah untuk mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman pekerjaan melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi.

Objektif Khusus

1. Mengorientasikan pelajar kepada alam pekerjaan khususnya dalam bidang pembangunan sumber manusia.
2. Mendedahkan pelajar kepada pengalaman dan pengetahuan yang tidak boleh diperolehi di bilik kuliah.
3. Memperkenalkan dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu pengurusan dan pembangunan sumber manusia di berbagai peringkat dalam organisasi.

4. Membentuk ciri-ciri positif dalam diri pelajar seperti kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, berinovatif dan yakin melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam organisasi.

Penilaian oleh Penyelia

Laporan oleh penyelia akan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

1. ***Komunikasi***

Keupayaan pelajar menyampaikan ide melalui lisan dan penulisan secara tersusun dan berkesan.

2. ***Penampilan***

Keupayaan pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan (sosial dan profesional) dalam perhubungan dengan orang lain di tempat latihan iaitu kakitangan, pegawai atasan dan pelanggan.

3. ***Rupa diri***

Diukur dari segi ciri-ciri fizikal (lahiriah yang dipamerkan) seperti pakaian, rambut dan kebersihan diri.

4. ***Keakuran***

Kesanggupan pelajar menepati segala keperluan dan peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan Fakulti.

5. ***Kesungguhan***

Dilihat dari segi minat yang ditunjukkan oleh pelajar dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

6. ***Keyakinan diri***

Kesanggupan pelajar melaksanakan tugas, menyuarakan pendapat tanpa rasa takut dan teragak-agak.

7. ***Inisiatif***

Diukur dari segi keinginan dan kesanggupan pelajar mempelajari sesuatu tugas tanpa mengharapkan terlalu banyak arahan.

8. ***Pengetahuan***

Keupayaan pelajar melaksanakan tugas seperti yang diharapkan.

9. ***Hasil tugas***

Kemampuan pelajar menghasilkan kualiti kerja mengikut piawai yang ditetapkan.

Seseorang pelajar yang diberi nilai kurang daripada 50 markah dikehendaki supaya mengulang latihan industrinya.

Faedah Kepada Organisasi

Latihan industri turut memberi manfaat kepada organisasi. Di antaranya:

1. Mempercepatkan pelaksanaan tugas pada kos yang minimum.
2. Mendapatkan pandangan pelajar ke atas pelaksanaan sesuatu tugas.
3. Memberi peluang organisasi mengenal pasti kemampuan pelajar untuk diserapkan sebagai tenaga kerja organisasi pada masa hadapan.
4. Menjalin hubungan dengan Fakulti khususnya dan universiti amnya.

Peranan Pelajar

1. Disiplin

Pelajar hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan.

2. Pembentukan Peribadi

Pelajar hendaklah menganggap latihan industri sebagai peluang untuk membentuk peribadi dan sikap positif terhadap kerja dan mengendalikan kerja secara profesional.

3. Laporan

Pelajar mesti merekodkan buku log pada setiap minggu sepanjang latihan untuk dijadikan bahan penulisan laporan. Pelajar perlu berbincang dengan penyelia untuk memastikan ketepatan penulisan laporan.

Penilaian

Semua pelajar yang menjalani latihan industri akan dinilai. Penilaian dibuat berdasarkan kepada:

1. Laporan prestasi oleh penyelia di organisasi di mana pelajar menjalani latihan.
2. Laporan oleh pensyarah yang melawat organisasi berkenaan.
3. Catatan aktiviti di dalam buku log.
4. Laporan bertulis latihan industri yang disediakan oleh pelajar.

Nota: Empat punca markah diharap akan memberi satu sistem pengimbang tara yang jitu dan adil

Pengagihan markah penilaian prestasi latihan industri adalah seperti berikut:

1. Penilaian penyelia latihan di organisasi berdasarkan borang LI-03 dan laporan	40%
2. Penilaian dari pensyarah (borang LI-04)	20%
3. Catatan aktiviti di dalam buku log oleh pelajar (perlu disahkan oleh penyelarar di organisasi)	10%
4. Laporan bertulis oleh pelajar	30%
Jumlah	100%

Borang-Borang Yang Berkaitan

1. Borang LI-01: Borang Penerimaan Pelajar oleh Organisasi

Borang ini perlu diisi oleh penyelia di organisasi dan dikembalikan kepada penyelarar latihan industri selepas keputusan dibuat oleh organisasi untuk menerima atau menolak penempatan pelajar untuk menjalankan latihan industri di organisasi tersebut.

2. Borang LI-02 : Borang Pendaftaran Pelajar Ke Organisasi

Borang ini perlu diisi oleh pelajar dan kemudian diserahkan kepada penyelia di organisasi pada hari pertama melapor diri untuk disahkan. Setelah mendapat pengesahan daripada penyelia, pelajar dikehendaki mengembalikan borang ini kepada penyelarar latihan industri dalam jangka masa 7 hari dari tarikh bermulanya latihan industri.

3. Borang LI-03: Borang Prestasi Latihan Industri (Penyelia)

Borang ini perlu diisi oleh penyelia di organisasi setelah penilaian dibuat ke atas pelajar dan ia perlu dikembalikan kepada penyelarar latihan industri selewat-lewatnya 7 hari setelah pelajar menamatkan latihan industri di organisasi.

4. Borang LI-04: Borang Prestasi Latihan Industri (Pensyarah)

Borang ini perlu diisi oleh pensyarah yang menyelia/melawat pelajar di organisasi. Pensyarah dikehendaki mengembalikan borang ini kepada penyelarar latihan industri selewat-lewatnya 7 hari selepas penyeliaan/lawatan dibuat.

5. Borang LI-05: Borang Prestasi Latihan Industri (Pelajar)

Borang ini perlu diisi oleh pelajar setelah penilaian dibuat ke atas organisasi dan ia perlu dikembalikan kepada penyelarar latihan industri

selewat-lewatnya **7 hari** selepas menamatkan latihan industri di organisasi. Borang ini dikembalikan bersama laporan bertulis dan buku log serta prototaip sistem/produk (jika ada).

6. Borang LI-06: Borang Pengesahan Penerimaan Laporan Latihan Industri

Borang ini perlu diisi oleh penyelia di organisasi setelah laporan bertulis latihan industri diterima daripada pelajar dan ia perlu dikembalikan kepada penyelarar latihan industri selewat-lewatnya **7 hari** daripada tarikh penerimaan laporan latihan industri pelajar.

(Sila rujuk kepada Penyelarar Latihan Industri untuk maklumat lanjut. Sebarang perubahan berkenaan dengan Latihan Industri akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Sila rujuk Buku Panduan Latihan Industri).

PANDUAN PEPERIKSAAN

Maklumat Am

Peperiksaan terbahagi kepada dua (2) bahagian:

1. Peperiksaan formatif
 - Kerja kursus 30 – 50% yang mengandungi di dalamnya kuiz, tugas dan esei.
 - Penilaian berterusan 20 – 30% yang terdiri dari ujian pertengahan, ujian berterusan atau seumpamanya.
2. Penilaian sumatif
 - Peperiksaan akhir semester 30 – 50%

Kelayakan Untuk Menduduki Peperiksaan

1. Pelajar hanya layak menduduki peperiksaan sekiranya berstatus pelajar dan mendaftar kursus-kursus yang ditawarkan pada berkenaan (Sila rujuk Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda UNIMAS untuk mendapat maklumat lanjut berhubung syarat-syarat yang melayakkan mengikuti peperiksaan).
2. Pelajar yang tidak memenuhi syarat dalam Perkara Sepuluh (10) **Sistem Penilaian** di dalam buku Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda akan dihalang menduduki peperiksaan.
3. Pelajar layak untuk menduduki peperiksaan akan diberi 'Slip Menduduki Peperiksaan' oleh Universiti sebagai bukti yang menyatakan mereka layak untuk mengikuti peperiksaan sesuatu kursus.

Soalan Peperiksaan Dan Skrip Jawapan

Soalan peperiksaan akan disediakan oleh Pensyarah yang mengendalikan sesuatu kursus. Pensyarah tersebut dilantik oleh dekan/timbangan dekan/ketua program bagi mengajar sesuatu kursus tersebut. Soalan peperiksaan mestilah mengikut format kertas peperiksaan yang telah ditetapkan.

Arahan Kepada Calon Peperiksaan

Arahan Umum

1. Calon peperiksaan adalah pelajar yang mendaftar secara rasmi bagi sesuatu kursus. Pelajar tersebut sahaja yang dibenarkan untuk menduduki peperiksaan kursus yang didaftarkan.
2. Calon adalah dinasihatkan membaca Jadual Waktu Peperiksaan secara berhati-hati. Sebarang perubahan arahan atau perubahan Jadual Waktu Peperiksaan dan lain-lain akan dipaparkan di papan kenyataan Universiti.
3. Bagi membolehkan calon dibenarkan menduduki peperiksaan sesuatu kursus, calon dikehendaki memiliki:
 - Kad Pelajar
 - Slip Pengesahan Peperiksaan
4. Calon tidak dibenarkan menduduki peperiksaan sesuatu kursus jika calon datang terlambat 30 minit selepas peperiksaan bermula.
5. Calon dikehendaki berpakaian kemas seperti yang ditetapkan oleh Universiti dan masuk ke dewan peperiksaan dengan tertib.

Peraturan Menduduki Ujian

Peraturan-peraturannya adalah seperti berikut:

Sebelum Ujian

Membawa masuk kad matrik/kad pengenalan dan *Slip Pengesahan Peperiksaan* bersama alatulis (pen, pensil, pembaris, dan mesin kira) sahaja. Dokumen yang disahkan oleh pengawas sahaja dibenarkan dibawa masuk oleh pelajar atau diedarkan oleh pengawas kepada pelajar. Barang-barang selain daripada di atas hendaklah diletakkan di tempat yang telah ditetapkan oleh pengawas.

Menghadirkan diri tepat pada waktu yang ditetapkan. Pelajar yang lewat tidak akan diberi masa tambahan. Pelajar yang lewat lebih daripada setengah jam (30 minit) dari masa peperiksaan bermula tidak dibenarkan masuk ke bilik ujian.

Semasa Ujian

- i. Mempamerkan kad matrik/kad pengenalan serta *Slip Pengesahan Peperiksaan* dan menandatangani senarai kehadiran yang diedarkan;
- ii. Menulis nombor matrik dan nama/kod kursus di atas setiap kertas jawapan yang digunakan;
- iii. Mengangkat tangan untuk berhubung dengan pengawas yang bertugas. Pelajar tidak dibenarkan berhubung di antara satu sama lain sepanjang ujian dijalankan;
- iv. Meninggalkan bilik ujian hanya dibenarkan selepas setengah jam (30 minit) ujian bermula. Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan bilik ujian lima belas minit (15 minit) sebelum ujian berakhir;
- v. Berhenti menulis selepas isyarat tamat ujian diberikan oleh pengawas bertugas, dan memastikan kertas jawapan dikelipkan oleh pengawas bertugas;
- vi. Meninggalkan bilik ujian setelah skrip jawapan dikumpulkan;
- vii. Semasa ujian sedang dijalankan, pelajar tidak digalakkan keluar; dan
- viii. Pelajar yang didapati meniru atau membolehkan orang lain meniru akan diambil tindakan mengikut peraturan peperiksaan yang sedia ada (sila rujuk *Buku Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda UNIMAS*).

Gred dan Nilai Gred

GRED	JULAT MARKAH	NILAI GRED	TARAF PENCAPAIAN	
			KURSUS TERAS	KURSUS GENERIK/PELENGKAP
A	80-100	4.00	Lulus Cemerlang	
A-	75-79	3.67	Lulus Keujian	
B+	70-74	3.33		
B	65-69	3.00		
B-	60-64	2.67		
C+	55-59	2.33	Lulus Baik	
C	50-54	2.00		
C-	45-49	1.50		
D	40-44	1.00	Gagal	Lulus Lemah
F	< 40	0.00		

SISTEM MENTOR-MENTEE

Pengenalan

Program mentor-mentee telah diperkenalkan di UNIMAS sejak tahun 1994. Oleh sebab Fakulti mempercayai bahawa Sistem Mentor-mentee dapat membantu pelajar dalam mencapai kecemerlangan akademik di samping mengukuhkan keperibadian mereka, maka program mentor-mentee diperteguhkan dengan menyediakan garis panduan bagi mentor mengikutinya dan dijalankan secara formal dan teratur.

Rasional

Mentor memainkan peranan yang besar dalam membantu mentee bagi mencapai kecemerlangan akademik dan bukan akademik. Justeru, mentor perlu memperlengkapkan diri mereka dengan latihan, ilmu pengetahuan serta alat yang berupa aktiviti yang dapat membantu mereka dalam proses tersebut.

Walaupun terdapat andaian mengatakan bahawa pelajar institusi pengajian tinggi telah dewasa dan berupaya mendorong diri, mereka adalah golongan muda yang masih memerlukan bimbingan dan panduan daripada orang dewasa bagi memudahkan mereka untuk berhadapan dengan masalah akademik dan bukan akademik. Kepelbagaian cabaran dalam hidup di peringkat awal dewasa, menyediakan pelajar dengan tekanan dan desakan yang menguji keupayaan mereka. Dalam suasana pembelajaran yang mencabar dan kompetitif pelajar terdedah dengan pelbagai maklumat yang sudah tentu memerlukan kebijaksanaan mereka untuk memilih maklumat yang berguna. Justeru itu, sistem mentor-mentee dapat membantu dalam proses pemilihan tersebut.

Pelajar pada masa kini bukan sahaja menghadapi masalah berkaitan akademik tetapi juga menghadapi masalah yang terbit dan berpunca daripada faktor luaran dan dalaman. Oleh itu pelajar memerlukan panduan daripada individu yang lebih berpengalaman untuk mendorong dan membimbing mereka. Ini merupakan satu cara yang boleh dilakukan melalui program mentor-mentee yang teratur. Pensyarah diminta menjadi mentor dengan bertanggungjawab terhadap sebilangan pelajar di bawah penyeliaan mereka.

Objektif Program 'Mentoring'

- Menyumbang kepada pembangunan sendiri (*personal development*) pelajar
- Membantu pelajar mengenal dan menilai diri sendiri

- Menyedarkan pelajar tentang potensi diri
- Melatih pelajar agar berdikari dan mampu mengurus diri (*self management*)
- Membantu pelajar mengatasi masalah komunikasi
- Membantu pelajar dalam membuat keputusan
- Menggalakkan pelajar bersikap lebih terbuka
- Menggalakkan pelajar untuk berfungsi sebagai individu yang bertanggungjawab
- Memberi peluang kepada pelajar meluahkan perasaan

Hari Mentor-Mentee

Sudah menjadi amalan di FSKPM setiap awal semester diadakan hari mentor-mentee bersama semua pelajar fakulti. Pada hari tersebut, para pelajar akan berjumpa mentor masing-masing. Di antara aktiviti yang diadakan pada hari tersebut adalah pengurniaan Anugerah Kepimpinan oleh dekan fakulti dan ceramah motivasi oleh salah seorang pensyarah. Selepas majlis di atas selesai, sesi mentoring akan dijalankan di tempat yang telah diatur oleh pihak pengurusan Fakulti. Pada masa yang sama, para mentor akan mengadakan sesi mentoring mereka yang pertama untuk para pelajar baru. Sesi mentoring ini akan turut disertai oleh para pelajar lama. Pada hari mentor-mentee ini juga, pelajar akan diberi secara peribadi keputusan peperiksaan pada semester lepas untuk dilihat dan dibincangkan dengan mentor secara individu atau berkumpulan. Pada hari mentor-mentee ini, pelajar diberi secara peribadi keputusan peperiksaan pada semester lepas untuk dilihat dan akan dibincangkan dengan mentor secara berkumpulan atau secara peribadi.

Bermula pada Semester 2, Sesi 2006/2007, beberapa anugerah kepimpinan telah dikurniakan untuk menghargai pelajar yang telah bertungkus lumus di dalam pelajaran serta dapat menyeimbangkan kehidupan sebagai seorang mahasiswa dengan terlibat aktif di dalam aktiviti ko-kurikulum mahupun aktiviti Fakulti/Universiti. Anugerah ini adalah berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh Fakulti serta bertujuan untuk memotivasikan pelajar ke arah kecemerlangan seterusnya melahirkan mahasiswa yang mempunyai modal insan. Anugerah tersebut adalah *Anugerah Kecemerlangan Bestari, Anugerah Kecemerlangan Akademik, Anugerah Kepimpinan dan Ko-Kurikulum, dan Anugerah Peningkatan Prestasi Akademik.*

Perjumpaan Mentor-Mentee

Untuk memastikan sistem mentor-mentee ini berjalan dengan teratur, hari Rabu kedua setiap bulan dijadikan sebagai hari perjumpaan mentor-mentee.

Dengan ini pelajar dapat berjumpa secara berkumpulan dengan mentor sekurang-kurangnya sekali (1) sebulan. Walaupun perjumpaan mentor-mentee ditetapkan, pelajar perlulah mengambil inisiatif datang berjumpa dengan mentor untuk berbincang mengenai isu atau masalah peribadi, akademik atau hal-hal lain, sama ada secara individu atau berkumpulan.

Pihak Fakulti telah menyediakan beberapa borang yang perlu diisi oleh mentor seperti Borang Laporan Perjumpaan Mentor- Mentee, dan Borang Aduan Pelajar. Sekiranya pelajar mengemukakan sebarang isu yang perlu diambil tindakan oleh Fakulti, maka mentor akan mengisi Borang Aduan Pelajar untuk dihantar kepada pihak pengurusan supaya tindakan segera dapat diambil.

Dalam usaha mengaktifkan sistem mentor-mentee ini, pihak Fakulti telah menyediakan Anugerah Kumpulan Mentor-Mentee Terbaik bagi setiap semester mulai Semester 1, Sesi 2008/2009 kepada kumpulan mentor-mentee di FSKPM. Kriteria pemilihan adalah seperti berikut:

- Kumpulan mentor-mentee yang paling aktif dan ia diukur berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada semester berkenaan.
- Kumpulan mentor-mentee yang cemerlang dari segi akademik dan ia diukur berdasarkan jumlah penerima Anugerah Dekan yang diterima oleh mentee pada semester berkenaan.

Bidang Tugas Mentor Dan Mentee

Sebagai panduan mentor dan mentee, pihak pengurusan telah menyediakan senarai tugas bagi mentor, mentee dan pihak pengurusan seperti jadual di bawah.

Tugas	Mentor	Mentee
Akademik	<ul style="list-style-type: none"> • Prihatin terhadap perkembangan mentee (kehadiran kuliah, prestasi akademik dan perancangan akademik) • Bertanggungjawab menyerahkan slip keputusan kepada mentee. • Rujukan maklumat bagi Lembaga Pemeriksa dan Lembaga Rayuan Fakulti. • Perantara antara mentee dan pihak pengurusan Universiti/Fakulti. • Memberi dan memastikan borang berkaitan diisi oleh mentee. • Menjadi rujukan kepada mentee. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab berjumpa mentor apabila menghadapi masalah pembelajaran dan perancangan akademik serta masalah peribadi. • Berjumpa dengan mentor untuk mengambil slip keputusan peperiksaan. • Wajib hadir Hari Mentor-Mentee.
Kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjelaskan prospek dan pemilihan kerjaya yang bersesuaian. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mentee digalakkan menemui mentor dalam hal berkaitan kerjaya dan perancangan masa hadapan
Pembangunan Sahsia	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi rujukan kepada Pejabat Dekan dalam kes disiplin mentee. • Membantu mentee menangani cabaran peribadi dengan berkesan. • Memaklumkan kepada mentee kursus/ program/ aktiviti pembangunan sahsiah. • Merujuk masalah mentee kepada individu/ kaunselor yang sesuai atas persetujuan mentee. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mentee digalakkan berbincang dengan mentor sekiranya memerlukan bantuan dalam masalah peribadi. • Bersedia untuk belajar mengubah sikap dan tingkah laku agar lebih positif.

Rekod Sesi Mentor-Mentee Pelajar

Tahun 1 (Semester 1)

Perkara/Ulasan	T/tangan Mentee	T/tangan Mentor

Tahun 1 (Semester 2)

Perkara/Ulasan	T/tangan Mentee	T/tangan Mentor

Tahun 2 (Semester 1)

Perkara/Ulasan	T/tangan Mentee	T/tangan Mentor

Tahun 2 (Semester 2)

Perkara/Ulasan	T/tangan Mentee	T/tangan Mentor

Tahun 3 (Semester 1)

Perkara/Ulasan	T/tangan Mentee	T/tangan Mentor

Tahun 3 (Semester 2)

Perkara/Ulasan	T/tangan Mentee	T/tangan Mentor

Tahun 3 (Semester 3)

Perkara/Ulasan	T/tangan Mentee	T/tangan Mentor

YURAN PENGAJIAN

Berikut adalah maklumat Yuran Semester 1 Sesi 2009/2010 (pelajar baru) bagi pelajar FSKPM:

Butir-butir Yuran (RM)	Program Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber Manusia
Yuran Tidak Berulang	330.00
Takaful (setahun sekali)	6.00
Pengajian	660.00
Kesihatan	25.00
Makmal	50.00
Tabung Kebajikan	5.00
Senggang	25.00
Pengangkutan	30.00
Penginapan	420.00
Jumlah (RM)	1551.00

Nota: Kadar ini adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

Yuran Tidak Berulang

Pendaftaran	: RM 20.00
Minggu Aluan Pelajar	: RM 270.00
Kad Matrik	: RM 10.00
Alumni	: RM 30.00
Jumlah	: RM 330.00

Bantuan Kewangan

Beberapa jenis tabung wujud di UNIMAS untuk membantu pelajar dari segi kewangan dan kebajikan. Untuk maklumat lebih lanjut, sila berhubung dengan Pusat Pemajuan Pelajar, UNIMAS.

DIREKTORI STAF

Staf Akademik

Nama	Samb. Tel	Lokasi	E-mel
Dekan			
Dr. Shahren Ahmad Zaidi Aduce Ph.D. Information Transfer (Syracuse University, USA) Masters in Telecommunications & Network Management (Syracuse University, USA) Cetificate in University Teaching (Syracuse University, USA) Diploma in Library & Info Science (UiTM)	1569	3	azshahren@fcs. unimas.my
Timbalan – Timbalan Dekan			
Dr. Rusli Ahmad (Prasiswazah & Pemajuan Pelajar) Ph.D. Human Resource Management (University of Bradford, UK) Dip in Research Methodology (University of Bradford, UK) Master of Management (UPM) B. A. Anthropology & Sociology (Hons), (UKM) Diploma in Education (UKM)	1568	3	arusli@fcs. unimas.my
Prof. Madya Dr. Teh Chee Siong (Pascasiswazah & Penyelidikan) Ph.D. Artificial Neural Networks (USM) M. Sc. Computer Graphics & Virtual Environments (University of Hull, UK) B. Sc. in Science (Physics & Computer with Education) (UTM)	1572	3	csteh@fcs. unimas.my
Ketua Jabatan Sains Kognitif			
Dr. Norazila Abdul Aziz Ed. D. Cirriculum & Instruction (USM) M. A. (Applied Linguistics) Waikato University, New Zealand B. Ed. TESL (Hons) (UPM)	1518	2	anora@fcs. unimas.my

Ketua Jabatan Pembangunan Sumber Manusia			
Dayang Nailul Munna Abang Abdullah M. Sc & Tech (Occupational Health & Safety) University of New South Wales, Sydney B. (Hons) HRM (UUM)	1555	2	aanailul@fcs.unimas.my
Ketua Jabatan Kaunseling			
Edris Aden M.Sc. Counselling Psychology (Keele University, UK) B. (Hons) Counselling (UNIMAS) aedris@fcs.unimas.my	1545	2	aedris@fcs.unimas.my
Penyelaras Program Sains Kognitif			
Dr. Tan Kock Wah Ph. D. Philosophy of Mind (UM) M. Economics (UM) B. Business Administration (UM)	1585	2	kwtan@fcs.unimas.my
Penyelaras Program Pembangunan Sumber Manusia			
Agatha Lamentan Ak Muda M.Sc. HRD (UNIMAS) B.Sc. HRD (Hons) UTM	1530	2	malamentan@fcs.unimas.my
Penyelaras Program Kaunseling			
Nor Hasniah Ibrahim M. Ed. Guidance & Counselling (IIUM) B.A. IRK (IIUM)	1532	2	inhasniah@fcs.unimas.my
PENSYARAH			
Prof. Dr. Peter Songan Ph. D. Adult, Extension & Continuing Education (Cornell University, USA) M. S. Extension Education (Louisiana State University, USA) B. S. Plant & Animal Protection (Louisiana State University, USA) Diploma Agriculture (UPM)	3688		songan@fcs.unimas.my
Prof. Madya Dr. Hong Kian Sam Ph. D. Web Based Learning in Mathematics (University of Otago, NZ) M. Ed (USM) B. Sc. Education (USM)	1522	2	hksam@fcs.unimas.my

Prof. Madya Dr. Chen Chwen Jen Ph. D. Instructional Design & Technology (USM) M. Sc. Computer Graphics and Virtual Environments (University of Hull, UK) B.Sc. in Science (Mathematics & Computer with Education) (UTM)	1542	2	cjchen@fcs.unimas.my
Prof. Madya Dr. Norsiah Fauzan Ph. D. Educational Psychology (University of Durham, UK) M. Ed. Curriculum & Instructions (University of Houston, USA) B. A. (Hons) (USM) Diploma in Education (MPTI)	1515	2	fnorsiah@fcs.unimas.my
Dr. Fitri Suraya Mohamad Ph. D. Educational Technology (University of London) M. A. TESL (Pennsylvania State University, USA) B. Ed. TESL (Hons) (UPM)	1521	2	mffitri@fcs.unimas.my
Dr. Hasbee Hj. Usop, ABS Ed. D. Human Resource Development (Training & Development) (Univ of Bristol, UK) M. Ed. Examinations & Assessment (University of Bristol, UK) B. Sc.(Hons) Zoology (UM) Diploma in Education (Biology - Major, Geography - Minor) (UM)	1519	2	uhasbee@fcs.unimas.my
Dr. Azman Ismail Ph.D. Compensation & Benefit (Murdoch University, Australia) M. Sc. Public Administration (UM) B. A. (Hons) (USM)	1558	3	iazman@fcs.unimas.my
Dr. Sopian Bujang Ph. D. Human Resource Management (UUM) M. A. Industrial & Organisational Psychology (UKM) B. HSc. Psychology (Hons) (IIUM)	1540	2	bsopian@fcs.unimas.my
Dr. Ng Giap Weng Ph. D. Advance Interactive & Behavioral Technology (Salford University, UK) B. Sc. (Hons) Cognitive Sciences (UNIMAS)	1551	2	gwng@fcs.unimas.my

Drs. Muhamad Sophian Nazaruddin Sutan Saidi M.A. Psychophysiology, (UKM) Drs. Psychology Experiment/Professional Psychologist. Universitas Padjajaran Bandung (Indonesia)	1529	2	msophian@fcs.unimas.my
Abang Ekhsan Abang Othman Ph. D. Candidate, Hosei University, Japan M. A. Human Resource Management (Griffith University, Australia) B. (Hons) Public Administration (UUM) Dip in Public Administration (UiTM)	1548	2	aoekhsan@fcs.unimas.my
Ahmad Sofian Shminan M. Sc. Information Technology (System Science & Management) (UKM) B. Sc. Computer Science (Software Engineering) (UPM) Dip in Computer Science (UPM)	1537	2	sasofian@fcs.unimas.my
Farida Abdul Halim MBA (HRD) (University of Hull, UK) B. SC. Mathematics (University of Nebraska Lincoln, USA)	1552	2	ahfarida@fcs.unimas.my
Hj. Suaidi Hj. Otek M. Ed. (Psychology) (Newcastle Upon Tyne, UK) B. Ed (Hons) Pengajian Malaysia/Bahasa Melayu (UPM) Diploma in Remedial Education / Special Needs (IPIK, KL) Dip in Education (IPBL)	1525	2	osuaidi@fcs.unimas.my
Mai Sumiyati Ishak M. Sc. Industrial Psychology (University of Hull, UK) B. HSc. Psychology (Hons) (IRK-minor) (IIUM)	1549	2	imaisumi@fcs.unimas.my
Mohamad Hardyman Barawi M. Library & Information Science (UM) B. Sc. Computer Science (UPM)	1553	2	bmhardyman@fcs.unimas.my
Mohd Razali Othman Ph.D.Candidate (USM) M. Sc. Computer Science (Bristol, UK) B. Ed. Guidance and Counselling (UPM)	1556	2	orazali@fcs.unimas.my

Philip Nuli Anding Ph. D. Candidate (Univ of Cambridge, UK) M. Sc. HRD (UNIMAS) Postgraduate Certificate of Education (MPP, Pulau Pinang) B. Sc. Physics (Sussex, UK)	1534	2	aphilip@fcs.unimas.my
Samsiah Hj Jayos M. A. Counselling (UM) B. Sc. (UM) Dip in Syariah (UM) Dip in Education (Science & Math) (UM) Dip in Science (UiTM)	1516	2	jsamsiah@fcs.unimas.my
Chen Po Ling M. Sc. (Cognitive Neuroscience) University of York (UK) B. Sc. (Hons) Cognitive Sciences (UNIMAS)	1546	2	plchen@fcs.unimas.my
Nor Mazlina Ghazali M. Human Services Counselling (Curtin University of Technology, Australia) B. (Hons) Counselling (UNIMAS) Dip in Human Development (UPM)	1532	2	gnmazlina@fcs.unimas.my
Ross Azura Zahit M. Sc. Clinical Psychology (UKM) B. Sc. (Hons) Cognitive Sciences (UNIMAS)	1531	2	rzazura@fcs.unimas.my
PENSYARAH CUTI BELAJAR			
Kartini Abd Ghani M. Sc. Artificial Intelligence (University of Georgia, USA) B. A. (Hons) Psychology (Nottingham, UK)			
Abdul Halim Busari M. A. Strategic Management (Nottingham, UK) B. Sc. (Hons) Human Resource Development (UNIMAS) bhalim@fcs.unimas.my			
Amalia Madihie M. Sc. Professional Counselling (Lee University, TN, USA) B. Sc. (Hons) Cognitive Science (UNIMAS) mamalia@fcs.unimas.my			
Fatahyah Yahya M. A. Counselling (UM) B. A. (Hons) (IIUM)			
Jamayah Saili M. A. Counselling Psychology (Western Michigan, USA) B. HSc Psychology (Hons) (IIUM) sjamayah@fcs.unimas.my			

<p>Julia Lee Ai Cheng M. Sc. Educational Psychology (Wisconsin-Madison, USA) B. Sc. Computer Science (Staffordshire, UK) aclee@fcs.unimas.my</p>
<p>Mohammad Hossin M. Sc. Computer Science (AIA) (Essex University, UK) B. IT. (Hons) (UUM) hmohamma@fcs.unimas.my</p>
<p>Mohammad Nur Azhar Mazlan M. Ed. Educational Technology (UTM) B. Sc. (Hons) Human Resource Development (UNIMAS) Dip in Marketing (Politeknik) mmnazhar@fcs.unimas.my</p>
<p>Mohd Kamal Othman M. Sc. Virtual Environment (University of East Anglia,UK) B. Sc. (Hons) Cognitive Sciences (UNIMAS) omkamal@fcs.unimas.my</p>
<p>Nur Fatihah Mat Yusoff M. Sc. Statistics (UKM) B. Sc. Statistics (UKM) mynfatihah@fcs.unimas.my</p>
<p>Norehan Zulkipli M. Sc. Cognitive Psychology (University of Sussex, UK) B. Sc. (Hons) Cognitive Sciences (UNIMAS)</p>
<p>Rizal Abu Bakar M. Psych (Counselling) (Monash University, Australia) B. HSc Psychology (Hons) (IIUM) abrizal@fcs.unimas.my</p>
<p>Salmah Mohamad Yusoff M. Sc. Guidance and Counselling (UPM) B. Ed. Guidance and Counselling (UPM)</p>
<p>Shafiq Fikri Abdullah @ Lee Nung Kion M. Sc. Computer Science (La Trobe, Australia) B. Sc. Computer Science (UPM) nklee@fcs.unimas.my</p>
<p>Shaziti Aman M. A. Learning Sciences (Northwestern University, USA) B. Ed. TESL (Hons) (UM) ashaziti@fcs.unimas.my</p>
<p>Surena Sabil M. B. Quality Management (Western Sydney, Australia) B. Sc. Human Development (UPM) ssurena@fcs.unimas.my</p>
<p>Zaimuariffudin Shukri Nordin M. A. Philosophy of Mind (University of Hull, UK) B. A. Islamic Studies (History and Islamic Civilization) (UKM)</p>

<p>Certificate in Teaching (MPI) nzaaim@fcs.unimas.my</p>
<p>Zaiton Hassan M. Sc. Organisational Psychology (University of Hetfordshire, UK) Post Graduate Certificate(Personnel Studies) (Univ of Hetfordshire, UK) B. Human Development (UPM) hzaiton@fcs.unimas.my</p>
<p>Wan Norizan Wan Hashim M. Tech. Information Technology (RMIT, Australia) B. Sc. (Hons) Cognitive Science (UNIMAS) whnoriza@fcs.unimas.my</p>
<p>TUTOR CUTI BELAJAR</p>
<p>Abg Izhar Abg Ahmad B. Sc. (Hons) Human Resource Development (UNIMAS) Dip in Public Administration (UiTM) aaaizhar@fcs.unimas.my</p>
<p>Aina Razlin Mohamad Roose B. (Hons) Counselling (UNIMAS) mrrarazlin@fcs.unimas.my</p>
<p>Azzahrah Annuar Ph. D. Candidate in Rehabilitation Counselling (University of Southern Illinois (USA) M. Sc. Rehabilitation Psychology, Wisconsin Madison University (USA) B. (Hons) Counselling (UNIMAS) Dip in Human Development (UPM) aazzahrah@fcs.unimas.my</p>
<p>Hana Hamidi B. Sc. (Hons) Human Resource Development (UNIMAS) hhana@fcs.unimas.my</p>
<p>Mohamad Azhari Abu Bakar B. HSc. Psychology (IIUM) B. A. IRK (IIUM)</p>
<p>Siti Norazilah Mohd Said B. (Hons) Counselling (UNIMAS)</p>
<p>Sazliza Shafi B. Counselling (UM) ssazliza@fcs.unimas.my</p>
<p>Sheilla Lim Omar Lim B. Sc. (Hons) Human Resource Development (UNIMAS) olslim@fcs.unimas.my</p>

Staf Pentadbiran

Staf Pengurusan dan Sokongan	Samb. Tel	Aras	Emel
Penolong Pendaftar Khamisah Ete	1579	2	ekhamie@fcs.unimas.my
Penolong Pegawai Tadbir Felicia Anthony Reyap	1577	2	arfelicia@fcs.unimas.my
Penolong Akauntan Tuzianna Tuah	1576	2	ttuzianna@fcs.unimas.my
Pembantu Khas Dekan Azean Ahmad	1570	3	aazean@fcs.unimas.my
Pembantu Khas Timbalan-Timbalan Dekan Sabrina Sabri	1571	3	ssabrina@fcs.unimas.my
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian dan Operasi) Pariam Osman	1582	2	opariam@fcs.unimas.my
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)			
Asfalela Roslie	1580	2	asfalela@fcs.unimas.my
Azrihadi Suhaili	1573	2	sazrihadi@fcs.unimas.my
Roslina Kadir	1574	2	kroslina@fcs.unimas.my
Ratina Hassan	1580	2	hratina@fcs.unimas.my
Jurutaip			
Rabayot Salleh	1581	2	srabayot@fcs.unimas.my
Penolong Pegawai Sistem Maklumat			
Rosesima Ikau	1583	2	irosesima@fcs.unimas.my
Siti Hawa Sulaiman		3	sshawa@fcs.unimas.my
Juruteknik Komputer	1584	2	nrazylino@fcs.unimas.my
Razylyno Natu			
Juruteknik AV	1584	2	abaayzfaznizam@fcs.unimas.my
Abd Ayzfaznizam Abd Rahim			
Pembantu Makmal			
Abg Kamaruddin Abg Saadi	1490	2	asakamaruddin@fcs.unimas.my
Atikah Juma'at	1507	2	jatikah@fcs.unimas.my
Operator Mesin Pemprosesan Data			
Laila Tambi	1573	2	tlaila@fcs.unimas.my
Hajemawati Husaini	1574	2	hhajemawati@fcs.unimas.my
Pegawai Khidmat Pelanggan	1578	2	amarinda@fcs.unimas.my
Marinda Agun			
Pembantu Am Rendah	1578	2	azhamir@fcs.unimas.my
Hamiruddin Ahmad Zaidi			

SINOPSIS KURSUS TERAS

Sinopsis Kursus Teras Jabatan Sains Kognitif

KMF1023 Psikologi Kognitif

Kursus ini merangkumi pembelajaran tentang minda, kognisi dan prosesnya. Ini meliputi sistem sensori, persepsi, memori, pemahaman dan pemerolehan bahasa dan pemikiran (pembuatan keputusan dan penyelesaian masalah). Kursus ini juga meliputi peranan otak dalam operasi minda, sistem saraf, dan hubungannya dengan a) model komputasi otak dan minda; b) elemen kognisi sosial seperti persepsi diri sendiri dan persepsi terhadap persekitaran dan lain-lain. Kedua-dua persepsi individu dan sosial dalam kognisi juga akan dibincangkan tentang implikasinya terhadap perasaan kasih sayang, sikap dan tingkah laku seseorang. Melalui pembelajaran kognisi secara saintifik, kursus ini menjustifikasikan sumbangan psikologi dalam bidang Sains Kognitif bagi pemahaman minda manusia.

KMF1014 Pengenalan Sains Kognitif

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep-konsep asas Sains Kognitif kepada pelajar, di samping meningkatkan pemahaman/apresiasi mereka kepada kepentingan sumbangan kajian yang bersifat multi-disciplinary' dalam meningkatkan pemahaman tentang keupayaan kognitif. Topik-topik yang akan dibincangkan termasuk Psikologi Kognitif, Neurosains, Falsafah Minda, Linguistik dan Kepintaran Buatan dalam memahami kognisi manusia. Kursus ini juga akan mengkaji beberapa kes yang dipraktikkan oleh institusi berkaitan dengan Sains Kognitif. Selain itu, perkembangan semasa bidang Sains Kognitif juga akan dijelajahi.

KMF1043 Psikologi Perkembangan Manusia

Kursus ini merangkumi pendekatan yang sistematik untuk mengkaji psikologi perkembangan manusia. Secara umumnya, ia menekankan kepada pelbagai aspek di dalam isu perkembangan manusia seperti aspek saintifik yang menjawab kepada persoalan "Mengapa kita belajar psikologi?" dan "Mengapa kita belajar Psikologi Perkembangan Manusia?" Penekanan juga diberikan kepada beberapa tahap perkembangan dalam kehidupan manusia seperti di peringkat prenatal; bayi; awal dan akhir kanak-kanak; remaja; awal, pertengahan dan akhir dewasa. Perbincangan akan dibuat berdasarkan kepada perkembangan semulajadi seperti biologi/fizikal, kognitif dan faktor sosioemosi. Aplikasi teori yang berkaitan dengan tempat kerja dan pendedahan kepada isu-isu terkini seperti perbezaan antara ibu yang bekerja dan tidak bekerja; ibu/bapa tunggal, kesan penceraian dan isu-isu global yang lain juga akan dibincangkan bersama.

KMK1093 Asas Pengaturcaraan

Kursus ini menyediakan pengenalan kepada bahasa pengaturcaraan C dan juga asas kepada ANSI C. Kursus ini telah direkabentuk untuk memberi pelajar kebolehan untuk menulis program komputer asas menggunakan bahasa pengaturcaraan C dan juga berkebolehan untuk memahami kod program yang ditulis oleh pengaturcara yang lain. Antara topik-topik di dalam kursus ini ialah teknik penyelesaian masalah, penulisan algoritma, sintak asas C, struktur kawalan (pemilihan, gegelung, suis), fungsi, dan operasi data masuk dan keluar. Kursus ini adalah sebahagian daripada kursus teras untuk program prasiswazah di dalam fakulti, dan menyediakan asas untuk kursus-kursus yang lain.

KMK1103 Struktur Diskrit

Kursus ini dirangka untuk memperkenalkan beberapa cabang matematik diskrit. Ia merangkumi pengenalan kepada logik, konsep set dan hubungan, fungsi, induksi matematik untuk pembuktian teori, rekursif, teori nombor, pokok dan teori graf.

KMK1113 Kognisi dan Pembelajaran

Dalam kursus ini, para pelajar akan meneroka tentang prinsip dan mekanisme dalam perubahan tingkah laku, pemerolehan pengetahuan, dan proses pembelajaran yang berkait rapat dengan proses pembelajaran tersebut. Sebenarnya, kursus ini mengingatkan kita tentang persoalan: Bagaimana seseorang itu belajar? Topik-topik yang terangkum dalam kursus ini seperti teori behaviorist, revolusi kognitif, perbezaan pandangan kognitivisme dan behaviorisme dalam pembelajaran, daya ingatan, peranan sistem pemprosesan maklumat, perwakilan pengetahuan, metakognisi, dan tahap daya pemikiran seseorang itu. Para pelajar juga berpeluang belajar pelbagai bentuk kecekapan dan kaitan di antara pembelajaran dan minda seseorang itu. Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan perkembangan semasa dalam sains kognitif yang berguna dalam pembelajaran.

KMK1133 Pengantar Analisis Linguistik

Linguistik merupakan bidang yang mengkaji bahasa secara sistematik dan saintifik. Ia bertujuan untuk mengkaji asas (*nature*) bahasa. Selain dari membincang tentang pelbagai ciri bahasa, kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan kepada pelajar struktur serta prinsip yang dikongsi bersama oleh semua bahasa. Sebagai salah satu dari komponen penting Sains Kognitif, ia adalah penting dalam menyumbang terhadap pemahaman struktur minda.

KMK1123 Kalkulus dan Algebra Linear

Kursus ini direka untuk memberi satu pendedahan komprehensif berhubung cabang-cabang matematik Kalkulus dan Algebra Linear. Objektif utama adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar mengaplikasikan pengetahuan

masa hadapan termasuk pelbagai kajian asas dan gunaan. Perbincangan dalam kursus ini merangkumi komponen-komponen utama kalkulus termasuk konsep mengenai had, penghasilan, pembezaan dan pengkamilan. Aplikasi komponen-komponen utama tersebut dibincang dan juga dibuat secara praktik. Bahagian akhir kursus ini juga membincangkan topik berkaitan dengan vektor dan operasi matriks.

KMK2193 Neurosains Kognitif

Kursus ini bertujuan untuk merapatkan hubungan antara minda dan otak. Secara amnya, Neurosains Kognitif adalah bidang yang bersifat antara disiplin untuk menyelidik mekanisma tahap tinggi fungsi mental atau kognisi dalam aspek psikologi, komputasi, dan biologi. Contoh fungsi kognitif termasuk persepsi, perhatian, memori, bahasa, emosi, kawalan motor, dan fungsi eksekutif. Bidang ini adalah melebihi skop Neurosains kerana ia juga mendapat tahu tentang bagaimana otak memberi rangsangan kepada minda atau kognisi. Adalah diharapkan bahawa para pelajar akan menghargai dan menyelami pengetahuan tentang asas biologi minda melalui kursus ini.

KMF2014 Statistik

Kursus ini memperkenalkan tatacara statistik yang digunakan dalam bidang kajian sains sosial. Ia juga menekankan aspek-aspek penting kemahiran mengira dan menggunakan statistik serta menganalisa data kajian dalam bidang sains sosial. Perbincangan kursus merangkumi organisasi dan pemerihalalan data, statistik deskriptif, kebarangkalian, statistik inferensi, pengujian hipotesis seperti pengujian-t dan anova, korelasi dan teknik-teknik pengujian statistik yang lain.

KMF2043 Tingkahlaku Manusia dan Organisasi

Kursus ini memperkenalkan hubungkait peranan kognisi, tingkahlaku dan prestasi manusia, dan persekitaran kerja. Kursus ini secara spesifik menghubungkan 3 faktor penting iaitu proses kognitif individu dan kumpulan, tingkahlaku mereka, dan rekabentuk, struktur dan persekitaran kerja mereka. Hubungan di antara ketiga-tiga faktor ini sekaligus mempengaruhi prestasi kerja sesebuah organisasi. Skop perbincangan merangkumi; proses kognisi dan tingkahlaku individu dan kumpulan; pengaruh persekitaran seperti pengaruh teknologi pada pekerja; kaitannya dengan prestasi kerja dan keberkesanan organisasi.

KMK2033 Grafik Komputer

Kursus ini bertujuan memperkenalkan asas teknik grafik simulasi. Kaedah diskrit dan selanjara untuk simulasi akan dibincangkan. Perekaan adalah kepada simulasi proses-proses dinamik. Kursus ini merangkumi pengenalan kepada grafik komputer. Topik meliputi kaedah grafik dua-dimensi, penjelmaan dan kaedah interaktif. Permodelan objek tiga dimensi dan kaedah manipulasi interaktif serta asas pencahayaan dan lakaran permukaan turut didedahkan kepada pelajar.

KMK2063 Kepintaran Buatan

Kursus ini bertujuan untuk menerangkan konsep kepintaran, teknik-teknik persembahan pengetahuan dan pencarian untuk tujuan penyelesaian masalah. Teknik-teknik yang terlibat dalam mencari penyelesaian kepada permasalahan mestilah berunsurkan kepada cara manusia berfikir dan membuat penaaakulan.

KMK2213 Pengaturcaraan Berasaskan Objek

Kursus ini dirangka untuk membolehkan pelajar mengenalpasti penyelesaian kepada masalah pengkomputeran yang berorientasikan objek, memperoleh paten rekabentuk yang boleh diguna pakai serta menulis aturcara menggunakan bahasa pengaturcaraan yang berorientasikan objek. ehubungan itu, kursus ini menumpukan kepada konsep pengaturcaraan abstrak objek peringkat tinggi, abstrak jenis data, konsep Pengaturcaraan Berasaskan Objek (OOP), dan methodologi pengaturcaraan.

KMK2183 Kognisi dan Reka Bentuk

Kursus ini bertujuan memperkenalkan hubungan antara kognisi dan rekabentuk. Deskripsi secara am mengenai proses rekabentuk dan pembangunan dipertimbangkan berserta dengan pandangan perekabentuk tentang kedua-dua proses tersebut. Pendekatan kognitif formal dan tidak formal, dari segi garis panduan dan teknik rekabentuk turut dibincangkan. Pendekatan dari segi kebolegunaan sesuatu produk dan rekabentuk dari segi sosial dan teknikal akan diterangkan dengan menekankan kepada keperluan untuk menerapkan faktor manusia di dalam proses rekabentuk dan pembangunan. Model-model terkini dalam rekabentuk ergonomik akan dibincangkan berserta dengan kajian kes.

KMK2133 Falsafah Minda

Kursus ini membincangkan isu-isu sains kognitif yang berkaitan dengan falsafah minda. Teori minda seperti *Materialism*, *Idealism*, *Dualism*, *Functionalism* dibincangkan selain tajuk kecil seperti Kandungan minda, "causality" dan "*Language of Thought*" juga turut dibincangkan. Kursus ini memberikan perbincangan yang mendalam tentang falsafah minda dalam konteks Sains Kognitif.

KMF2024 Pengkaedahan Penyelidikan

Kursus ini merupakan pengenalan untuk pelajar baru dalam bidang penyelidikan. Tujuan kursus ini ialah untuk memberi maklumat asas tentang proses penyelidikan, daripada peringkat formulasi idea ke pengumpulan, penganalisan dan interpretasi data. Pelajar akan memperolehi pengetahuan dan kemahiran untuk merancang penyelidikan, menggunakan berbagai metodologi penyelidikan dan juga mengetahui bagaimana membuat penulis semula dan menyediakan kertas cadangan penyelidikan. Di samping itu, pendekatan/proses kajian tindakan juga

diperkenalkan kepada pelajar. Kajian tindakan merupakan satu kaedah penyelidikan yang berusaha menangani situasi sosial.

KMK2223 Ergonomik Kognitif

Kursus ini memperkenalkan prinsip kognitif ergonomik dan human factor dengan memfokus kepada interaksi manusia dengan sistem. Pendedahan juga turut diberikan terhadap teori dan standard yang digunakan dalam bidang ergonomik dan human factor semasa proses rekabentuk dan pembangunan sistem yang berkesan. Kursus ini turut membincangkan konsep dan prinsip ergonomik, kaedah merekabentuk antaramuka sistem, teori dalam membuat keputusan, teori pemrosesan maklumat manusia dan prestasi dan kebolehan manusia dalam berinteraksi dengan sistem. Pelbagai aplikasi kognitif ergonomik di organisasi atau industri juga turut dibincangkan. Ini adalah untuk memberi pendedahan akan kepentingan kebolehgunaan rekabentuk sistem yang sesuai dalam mengendalikan sistem yang kompleks dan mudah.

KMK2233 Rangkaian Neuro Buatan

Kursus ini memberikan pendedahan Rangkaian Neural Buatan (RNB) kepada pelajar. RNB merupakan satu subjek kajian pemodelan otak dan rangkaian neuron sejak tahun 1940-an. Beberapa model RNB akan dibincang secara terperinci. Kursus ini mengandungi modul perbandingan neuron biologi and buatan, membincangkan aspek umum RNB, teori pembelajaran, dan aplikasi RNB dalam bidang perniagaan, perubatan, kejuruteraan dan tekologi. Kursus juga dilengkapi dengan latihan dan kajian RNB dengan menggunakan perisian yang sesuai.

KMK3013 Sistem Berasaskan Pengetahuan

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada konsep teoretikal dan praktikal membangunkan sistem berasaskan pengetahuan. Topik-topik termasuklah pengenalan kepada sistem berasaskan pengetahuan, sistem pakar, kaedah membangunkan sistem pakar dan aplikasi sistem pakar di dalam pelbagai bidang. Pelajar juga didedahkan kepada proses elisitasi pengetahuan perwakilan pengetahuan, dan penilaian terhadap sistem. Di akhir kursus, pelajar akan membangunkan satu sistem pakar berdasarkan domain-domain tertentu. Bahasa pengaturcaraan seperti PROLOG, CLISP, C, C++ atau mana-mana bahasa pengaturcaraan yang bersesuaian boleh digunakan untuk kursus ini.

KMK3093 Kepintaran Berkomputer

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar mengenai satu aliran baru yang lahir daripada bidang kepintaran buatan iaitu kepintaran komputasi. Tumpuan bidang ini lebih kepada penghasilan sistem pintar melalui algoritma heuristik yang menggabungkan elemen-elemen seperti pembelajaran, adaptasi, evolusi dan logik kabur.

KMK3083 Analisis & Reka Bentuk Sistem Pintar

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar langkah asas dalam analisis dan rekabentuk sistem mulai dari proses perancangan kepada implementasi sistem. Pelajar akan belajar mengenai kajian analisis kesauran semasa proses perancangan sistem. Kemudian pelajar akan didedahkan kepada beberapa kaedah permodelan sistem seperti *Data Flow Modeling*, *Entity Relationships Modeling* dan *Object Oriented Modeling*.

KMK3113 Realiti Maya

Kursus ini memperkenalkan konsep asas teknologi realiti maya. Ini merangkumi penerangan tentang definisi istilah realiti maya, sejarah perkembangan teknologi ini, jenis-jenis sistem realiti maya serta kelebihan dan kekurangan teknologi berkenaan. Penggunaan teknologi ini dalam pelbagai bidang aplikasi juga turut dibincangkan. Pelajar juga didedahkan kepada isu perkakasan dan perisian realiti maya serta diperkenalkan dengan pelbagai teknologi (paparan, pengesan kepala, tangan dan badan) yang pernah dan sedang digunakan. Selain daripada itu, kepentingan konsep animasi, permodelan berdasarkan fizikal dan pengesanan pelanggaran dalam sistem realiti maya juga ditekankan dan pelajar dibekalkan dengan pengetahuan teori yang berkaitan. Isu faktor manusia dalam bidang realiti maya turut dikeutarakan. Penekanan diberikan kepada pengalaman sebenar merekabentuk dan membangunkan suatu aplikasi realiti maya jenis non-immersive.

KMK4013 Pengaturcaraan Web

KMK4013 merupakan kursus yang digunakan untuk mengajar para pemula aplikasi pemograman Web dalam HTML dan JavaScript. Dengan mengambil kursus ini pelajar akan memperoleh Kemahiran IT yang diperlukan di pasaran untuk tujuan kerjaya.

KMK3053 Komputasi Linguistik

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada teknik-teknik dan permasalahan dalam pemprosesan bahasa. Justeru, kursus ini memberi tumpuan kepada isu-isu linguistik yang berhubung dengan representasi bahasa dan pemprosesan data linguistik. Permasalahan dalam pemprosesan data linguistik pula merangkumi masalah pengkuantitian, modus bahasa dan faktor konteks dalam interpretasi makna dan representasi wacana. Pelajar akan didedahkan kepada rangkaian transisi, carta pemprosesan data linguistik dan permasalahan tatabahasa, termasuk juga pemrograman skrip.

KMK3123 Logik dan Pemikiran Kritis

Kursus ini bertujuan untuk membangunkan skil kritikal dan logik para pelajar. Amnya, kursus ini memperkenalkan kepada pelajar asas pemikiran kritikal, “arguments”, “fallacies”, dan menganalisis serta menilai “arguments.”

KMK3033 Interaksi Manusia Komputer

Kursus Interaksi Manusia Komputer (HCI) akan memberi penekanan khusus kepada rekabentuk interaksi manusia komputer. Malah, kursus ini turut membincangkan konsep dan teori dalam rekabentuk dan mengaplikasikannya dalam bentuk praktikal semasa dalam proses pembangunan sesuatu rekabentuk. Kursus ini akan memfokus kepada interaksi dalam perspektif manusia berbanding dengan perspektif terhadap sistem dengan dua kepercayaan; pertama manusia (kognitif dan sosial) dan kedua teknologi (sistem *input/ output*, cara berinteraksi dengan antaramuka). Kursus ini juga akan menyentuh kebolegunaan rekabentuk dan rekaan antaramuka web yang sesuai. Pelajar diharap dapat menimba pengalaman dalam perekaan antaramuka web mahupun sistem dengan menggunakan *Dreamweaver* ataupun *Graphical User Interface (GUI) toolkit* Prototype yang mengambil kira faktor kebolegunaan akan dihasilkan diakhir kursus ini dan untuk memastikan tahap kebolegunaan rekaan antaramuka tersebut, proses penilaian antaramuka turut ditekankan dalam proses prototyping.

KMK3063 Visi Komputer

Kursus ini mendedahkan asas algorithm serta konsep-konsep yang berkaitan dengan visi komputer. Perbandingan antara visi komputer dengan proses biologi penglihatan manusia dikaji. Kaedah-kaedah seperti image restoration, representation dan aplikasinya juga diajar. Topik-topik seperti image formation, binary images, detection, matching, image representation dan recognition serta dynamic scene analysis akan didedahkan secara ringkas. Isu-isu yang berkaitan dengan visi manusia juga dibincangkan.

KMK3103 Projek Tahun Akhir I

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman kepada pelajar tentang cara penulisan dan pengendalian projek penyelidikan secara sistematik. Pelajar diberi pilihan mencadang atau memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia. Lazimnya, tajuk yang dicadangkan mengikut subjek teras program pengajian masing-masing. Walaupun tajuk projek berbeza antara satu sama lain, pelajar mendapat pendedahan dan latihan yang sama dari segi perancangan dan penyediaan cadangan projek penyelidikan (proposal) serta penulisan laporan awal projek yang merangkumi Bab 1: Pengenalan, Bab 2 : Sorotan Kajian dan Bab 3: Metodologi Kajian.

KMK3104 Projek Tahun Akhir II

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman kepada pelajar tentang cara penulisan dan pengendalian projek penyelidikan secara sistematik. Pelajar diberi pilihan mencadang atau memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia. Lazimnya, tajuk yang dicadangkan mengikut subjek teras program pengajian masing-masing. Walaupun tajuk projek berbeza antara satu sama lain, pelajar

mendapat pendedahan dan latihan yang sama dari segi perancangan dan penyediaan cadangan projek penyelidikan (proposal) serta penulisan laporan awal projek yang merangkumi (Bab 1) Pengenalan, (Bab 2) Sorotan Kajian dan (Bab 3) Metodologi Kajian.

KMK3114 Latihan Industri

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi serta mengenalpasti keperluan Sains Kognitif dalam organisasi. Melalui kursus ini pelajar akan berpeluang untuk mempraktikkan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang telah dipelajari di sepanjang pengajian mereka ke situasi pekerjaan yang sebenar.

Sinopsis Kursus Teras Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

KMS1023 Pengurusan Organisasi

Kursus ini membincangkan tentang pelbagai peranan asas, kemahiran dan fungsi dalam pengurusan. Penekanan turut diberikan kepada tanggungjawab pengurusan untuk mencapai matlamat organisasi secara berkesan dan efisien. Perbincangan juga meliputi tanggungjawab-sosial, etika pengurusan serta kepentingan sesebuah organisasi multinational.

KMS1013 Matematik Perniagaan

Pengenalan kepada konsep kemahiran matematik dan pengetahuan yang dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah kewangan. Kursus ini menyediakan panduan yang jelas melalui sampel masalah dan penyelesaian yang berkenaan dengan perbankan, kredit, asas kewangan dan pelaburan.

KMS1024 Pengurusan Sumber Manusia (PSM)

Kursus ini meninjau secara menyeluruh bidang PSM. Ia akan memberi tumpuan kepada isu-isu dan pembuatan keputusan berkaitan dengan perhubungan majikan-pekerja (employer-employee relations). Perkara yang dibincangkan meliputi pengambilan pekerja, jenis latihan dan peluang pembangunan pekerja, isu-isu pampasan dan faedah, dan isu-isu perhubungan industri dan pekerja. Kursus ini juga membincangkan unsur luaran yang mempengaruhi PSM, seperti polisi awam, undang-undang, keadaan buruh, tekanan pesaing, pengguna, pemilik saham dan teknologi.

KMS1034 Pembangunan Sumber Manusia

Kursus ini membincangkan konsep, teori dan strategi Pembangunan Sumber Manusia dan peranan yang dimainkan oleh individu yang bertanggungjawab dalam program dan aktiviti PSM di organisasi. Polisi, amalan, isu dan arah tuju dalam pembangunan sumber manusia di Malaysia akan turut dibincangkan.

KMS2014 Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan

Latihan dan pembangunan sumber manusia akan menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Program latihan mestilah dirancang dan diuruskan dengan teliti untuk mencapai objektif organisasi dan pekerja. Kursus ini mengenengahkan konsep latihan dan pembangunan, prinsip-prinsip yang terlibat, dan juga garis panduan di dalam merancang program latihan yang berkesan. Topik yang akan diliputi adalah pengenalan konsep latihan dan pembangunan, analisis keperluan latihan, pembentukan objektif latihan, kaedah dan strategi latihan yang berkesan, pengurusan tempat latihan dan sumber, pentadbiran latihan dan penilaian program latihan. Faktor-faktor yang mempengaruhi program latihan dan pembangunan yang berkesan juga akan dibincangkan di dalam kursus ini.

KMS2024 Pembangunan Organisasi dan Perubahan

Pembangunan organisasi adalah merupakan disiplin sains 'applied behavioural' yang digunakan untuk memperbaiki organisasi dan para pekerja melalui penggunaan teori dan amalan perubahan terancang. Secara umumnya, kursus ini mengkaji bagaimana bidang pembangunan organisasi dapat membantu perubahan efektif di dalam konteks organisasi. Ia menyediakan kedua-dua pendekatan konseptual dan eksperimental pembangunan organisasi dan perubahan. Sebagai tambahan, pelajar akan diterangkan tentang kerangka konseptual dan teori semasa yang perlu bagi memahami isu yang relevan dalam pembangunan organisasi.

KMS2034 Perundangan Pekerjaan

Objektif kursus ini adalah untuk menyediakan pelajar dengan prinsip asas dan aplikasi undang-undang pekerjaan di Malaysia. Kursus ini akan memfokus kepada perspektif perundangan untuk menguruskan sumber manusia di tempat kerja.

KMS3014 Hubungan Industri

Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan dan peranan kesatuan sekerja khususnya di Malaysia. Tumpuan utama kursus ini adalah kepada fungsi dan operasi kesatuan sekerja. Pelajar juga akan mempelajari sistem dan amalan hubungan industri di Malaysia serta cabarannya.

KMS3024 Pembelajaran Organisasi

Kursus ini meneliti proses pembelajaran organisasi di tempat kerja. Penekanan akan dibuat terhadap bagaimana individu dan kumpulan mempunyai impak ke atas sistem organisasi. Teori dan amalan pembelajaran individu, kumpulan dan organisasi akan diterokai. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran di tempat kerja, seperti kuasa, jawatan di organisasi, kepelbagaian dan globalisasi akan dibincangkan. Isu-isu teoretikal dan praktikal pembelajaran organisasi di tempat kerja akan juga dibincangkan. Konsep-konsep lain yang berkaitan dengan pembelajaran organisasi seperti hubungan di antara manusia, dinamik kumpulan, kelakuan organisasi dan pembangunan organisasi akan juga diberi penekanan.

KMS3034 Pembangunan Kerjaya Dalam Organisasi

Kursus ini membincangkan tentang konsep-konsep pembangunan kerjaya dalam organisasi. Antara topik-topik yang akan dibincangkan di dalam kursus ini adalah definisi konsep kerjaya, model-model pembangunan kerjaya, membangunkan satu sistem pembangunan kerjaya, amalan pembangunan kerjaya serta aktiviti-aktiviti dan isu-isu terkini berkenaan dengan pembangunan kerjaya di Malaysia.

KMS3102 Projek Tahun Akhir 1

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman kepada pelajar mengenai cara penulisan dan menjalankan penyelidikan secara sistematik. Pelajar diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perancangan, peraturan projek dan pembentangan projek. Setiap pelajar diberi peluang memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia yang berkaitan. Kebanyakan tajuk yang dicadangkan adalah mengikut teras penyelidikan fakulti. Walaupun tajuk projek berbeza di antara satu sama lain, pelajar akan mendapat latihan yang sama di dalam merancang dan mengatur kerja-kerja di dalam penyediaan cadangan penyelidikan (*proposal*), penulisan (Bab 1) Pengenalan, (Bab 2) Sorotan Kajian dan (Bab 3) Metodologi Kajian.

KMS3044 Keseimbangan Hidup Bekerja

Kursus teras program ini membincangkan tentang konsep hidup bekerja dan aktiviti-aktiviti lain seperti keluarga dan komuniti, kehidupan bersosial, dan pembangunan diri. Topik yang akan dibincangkan juga adalah tentang prinsip keseimbangan hidup bekerja, peranan kerajaan, budaya organisasi dan pembangunan diri.

KMS3054 Sistem Maklumat Sumber Manusia

Kursus ini cuba mendedahkan para pelajar akan kepentingan penggunaan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) dalam aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia. Aspek-aspek seperti kegunaan, isu dan ciri-ciri penting SMSM juga turut dibincangkan. Melalui kursus ini, para pelajar akan diajar mengenai langkah-langkah dalam mengautomasikan aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia bermula dari perancangan sistem, mereka bentuk sistem, pemilihan vendor perisian, pelaksanaan sistem hinggalah kepada penyelenggaraan dan penilaian sistem. Para pelajar juga turut didedahkan dengan pelbagai jenis perisian terkini yang terdapat di pasaran selain daripada melihat trend penggunaan SMSM di Malaysia

KMS3064 Pembangunan Sumber Manusia Strategik

Kursus teras program ini membincangkan peranan pembangunan sumber manusia dalam menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan organisasi. Penekanan kursus ini adalah pada pembangunan dan pelaksanaan strategi pembangunan sumber manusia yang menyokong pembangunan dan perkembangan individu dan juga organisasi.

KMS3104 Projek Tahun Akhir 2

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara mendalam kepada pelajar tentang kaedah kajian yang dijalankan termasuk kaedah pengukuran dan analisis data. Seterusnya pelajar diberi peluang untuk melaporkan secara sistematik dapatan kajian serta merumus, mengemukakan cadangan, dan mengkritik kajian yang dijalankan. Pelajar

juga didedahkan dengan aspek-aspek membuat rujukan, lampiran dan penjilid dan tesis.

KMS3114 Latihan Industri

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi serta mahir dengan realiti di bidang pembangunan dan pengurusan sumber manusia. Melalui kursus ini, pelajar juga akan diberi peluang untuk mempraktikkan perkara yang telah dipelajari di bilik kuliah ke keadaan yang sebenar.

KMS2063 Pengurusan Kualiti dan Produktiviti

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip, konsep, teknik dan proses serta amalan-amalan yang berhubung rapat dengan pengurusan kualiti dan produktiviti secara menyeluruh di dalam organisasi. Penekanan kepada kualiti servis dan produk melalui pendekatan secara Kualiti Menyeluruh (Total Quality) seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000, Perancangan Kualiti dan Analisis, Alat-alat Kualiti, Audit Kualiti, Jaminan Kualiti, Penandaarasan dan isu-isu terkini dalam pengurusan kualiti dan produktiviti

KMS2073 Pengurusan Pampasan dan Faedah

Pengurusan pampasan dan faedah merujuk kepada pentadbiran pampasan, rekabentuk dan penstrukturan pampasan. Ini termasuklah penyelarasan gaji, pengurusan gaji strategik, faedah-faedah, kebajikan pekerja dan kesan upah/gaji yang diberikan kepada pekerja. Kursus ini juga memberi penekanan kepentingan ekuiti di dalam pentadbiran pampasan dan faedah, penentu struktur dalaman dan luaran organisasi dan kaitannya terhadap pembayaran upah/gaji, teknik-teknik penilaian kerja dan perletakan nilai kerja (job worth), jenis-jenis insentif dan faedah-faedah sampingan serta kepentingannya agar selaras dengan objektif organisasi. Di samping itu kursus ini juga membincangkan peranan kerajaan dan kesatuan sekerja dalam mempengaruhi pentadbiran pampasan dan faedah serta isu-isu semasa yang berkaitan dengannya. Sekiranya sistem pampasan dan faedah digunakan dan diuruskan dengan sempurna, ianya boleh dijadikan suatu alat untuk meningkatkan kualiti kerja, tahap motivasi diri dan juga kepuasan para pekerja.

KMS2083 Perancangan, Pengambilan dan Pemilihan Sumber Manusia

Matlamat kursus ini adalah untuk mewujudkan kefahaman tentang teori, teknik dan amalan semasa berhubung dengan perancangan tenaga kerja dan hubungan teori dan praktikalnya dengan amalan semasa pengambilan dan pemilihan yang berkesan. Di akhir kursus ini, pelajar akan memahami hubungkait antara perancangan, pengambilan dan pemilihan sumber manusia dan bagaimana hasil yang efektif bagi setiap fungsi ini boleh diterangkan organisasi yang berjaya.

KMS3033 Pengurusan Prestasi

Kursus ini merangkumi pengukuran dan penilaian terhadap prestasi individu dan organisasi. Ia berasaskan kepada konsep bahawa keberkesanan dan prestasi organisasi adalah sebahagian besar dari fungsi keberkesanan dan prestasi individu dalam organisasi. Peningkatan keberkesanan dan produktiviti organisasi akan melibatkan peningkatan keberkesanan dan prestasi individu dan kerja kumpulan yang selanjutnya membangunkan organisasi. Kursus ini bermula dengan mengkaji konsep keberkesanan organisasi, dan seterusnya diikuti dengan pengendalian pengukuran terhadap prestasi kerja di tahap individu dan kerja kumpulan. Ia diakhiri dengan penekanan ke atas perancangan, pengukuran dan pengawalan prestasi organisasi melalui integrasi prestasi di tahap individu dan organisasi. Pelbagai kaedah penilaian prestasi dibincangkan dari sudut kesannya terhadap individu, penilai dan organisasi.

KMS3053 Pengurusan Strategik

Kursus ini memberikan gambaran tentang bidang Pengurusan Strategik. Ia juga memberikan kefahaman menyeluruh tentang strategi dan operasi perniagaan. Secara keseluruhan kursus ini bermatlamat untuk memastikan para pelajar memiliki pengetahuan yang mencukupi dalam memilih strategi yang bersesuaian bagi mencapai matlamat organisasi.

KMS3063 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kursus ini menyentuh tentang aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta pengurusannya. Ia membincangkan tentang konsep keselamatan dan kesihatan pekerjaan, teori, jenis dan punca kemalangan serta kesannya ke atas organisasi atau industri, mengkaji tujuan menjalani penyiasatan kemalangan dan penyediaan laporan, serta proses pengurusan risiko. Selain itu, Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994 juga akan turut dibincangkan dengan menekankan kepada peranan dan tanggungjawab majikan dan pekerja. Isu ergonomik, pampasan pekerjaan, dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga akan dihuraikan dengan lebih terperinci.

Sinopsis Kursus Teras Fakulti

KMF1013 Pengenalan Sains Kognitif

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep-konsep asas Sains Kognitif kepada pelajar, di samping meningkatkan pemahaman/apresiasi mereka kepada kepentingan sumbangan kajian yang bersifat “multi-disciplinary” dalam meningkatkan pemahaman tentang keupayaan kognitif. Topik-topik yang akan diperbincangkan termasuk Psikologi Kognitif, Neurosains, Falsafah Minda, Linguistik dan Kepintaran Buatan dalam memahami kognisi manusia. Kursus ini juga akan mengkaji beberapa kes yang dipraktikkan oleh institusi berkaitan dengan Sains Kognitif. Selain itu, perkembangan semasa bidang Sains Kognitif juga akan dijelaskan.

KMF1043 Psikologi Perkembangan Manusia

Kursus ini akan mengambil pendekatan sistematik dalam mengkaji psikologi perkembangan manusia. Pada amnya kursus ini akan menekankan pelbagai aspek psikologi perkembangan manusia seperti aspek saintifik “kenapa kita belajar psikologi?” dan “kenapa kita belajar psikologi perkembangan manusia?” Penekanan kursus merujuk kepada pelbagai peringkat perkembangan seperti peringkat persenyawaan, bayi, peringkat awal kanak-kanak, peringkat pertengahan kanak-kanak, remaja, dewasa dan peringkat tua. Perbincangan akan berteraskan perkembangan dari aspek biologi/fizikal, kognitif, sosial dan emosi. Penekanan juga menjurus kepada aplikasi teori kepada persekitaran kerja dan isu-isu semasa seperti perbandingan antara ibu bekerja dan tidak bekerja, ibu/bapa tunggal, kesan-kesan perceraian dan kesan globalisasi ke atas perkembangan keluarga.

KMF1023 Psikologi Kognitif

Kursus ini memberi tumpuan kepada kajian terhadap operasi minda atau kognisi manusia yang melibatkan sistem deria dan persepsi, pengamatan, ingatan, pemahaman dan pemerolehan bahasa, dan pemikiran (penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan). Kursus ini juga menyentuh tentang mekanisme otak dalam operasi minda, sistem saraf dan panca indera manusia serta kaitannya dengan (a) model-model perkomputeran mengenai minda dan otak; dan (b) elemen-elemen kognisi sosial seperti persepsi diri, orang lain, kelompok masyarakat dan persekitarannya. Teori dan elemen-elemen yang terlibat dalam proses kognisi individu dan kognisi sosial juga dibincangkan kerana ianya boleh mempengaruhi kesan (*affect*), sikap (*attitudes*), dan tingkahlaku (*behaviour*) seseorang dan persepsinya terhadap dunia luar. Melalui kajian saintifik terhadap kognisi manusia, kursus ini menjelaskan sumbangan bidang psikologi terhadap bidang Sains Kognitif dalam usaha untuk memahami minda/pemikiran manusia.

KMF2013 Asas Statistik

Kursus ini memperkenalkan tatacara statistik yang digunakan dalam bidang kajian sains sosial. Ia juga menekankan aspek-aspek penting kemahiran mengira dan menggunakan statistik serta menganalisa data kajian dalam bidang sains sosial. Perbincangan kursus merangkumi organisasi dan pemerihalan data, statistik deskriptif, kebarangkalian, statistik inferensi, pengujian hipotesis seperti pengujian-t dan anova, korelasi dan teknik-teknik pengujian statistik yang lain.

KMF2043 Kognisi dan Tingkahlaku

Kursus ini memperkenalkan peranan kognisi dan persekitaran kerja ke atas tingkahlaku manusia. Kursus ini secara spesifik menghubungkan 3 faktor penting iaitu proses kognitif individu dan kumpulan, tingkahlaku mereka, dan rekabentuk, struktur dan persekitaran kerja mereka. Hubungan di antara ketiga-tiga faktor ini sekaligus mempengaruhi prestasi kerja sesebuah organisasi. Skop perbincangan merangkumi; proses kognisi dan tingkahlaku individu dan kumpulan; pengaruh persekitaran seperti pengaruh teknologi pada pekerja; kaitannya dengan prestasi kerja dan keberkesanan organisasi.

KMF2033 Pengkaedahan Penyelidikan

Kursus ini merupakan pengenalan untuk pelajar baru dalam bidang penyelidikan. Tujuan kursus ini ialah untuk memberi maklumat asas tentang proses penyelidikan, dari peringkat formula idea ke pengumpulan, pengalalisan dan interpretasi data. Pelajar akan memperolehi pengetahuan dan kemahiran untuk merancang penyelidikan, menggunakan berbagai metodologi penyelidikan kertas cadangan penyelidikan. Di samping itu, pendekatan/proses kajian tindakan juga diperkenalkan kepada pelajar. Kajian tindakan merupakan suatu metodologi penyelidikan yang berusaha menangani situasi sosial.

REKOD AKADEMIK PELAJAR

Tahun 1

Semester/Sesi:

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf Kursus	Gred

PNG:

PNGK:

Semester/Sesi:

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf Kursus	Gred

PNG:

PNGK:

Tahun 2

Semester/Sesi:

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf Kursus	Gred

PNG:

PNGK:

Semester/Sesi:

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf Kursus	Gred

PNG:

PNGK:

Tahun 3

Semester/Sesi:

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf Kursus	Gred

PNG:

PNGK:

Semester/Sesi:

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf Kursus	Gred

PNG:

PNGK:

Semester/Sesi:

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf Kursus	Gred

PNG:

PNGK:

Semester/Sesi:

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf Kursus	Gred

PNG:

PNGK:

KALENDAR AKADEMIK SARJANA MUDA 2009/2010

Aktiviti	Tarikh	Tempoh
Pendaftaran Pelajar Baru	22-28 Jun 2009	1 minggu
Minggu Aluan Pelajar	29 Jun-3 Julai 2009	5 hari

SEMESTER 1

Aktiviti	Tarikh	Tempoh
Pendaftaran Pelajar Lama	29 Jun- 5 Julai 2009	1 minggu
Perkuliahan	6 Julai-14 Ogos 2009	6 minggu
Cuti Pertengahan Semester	15 Ogos- 23 Ogos 2009	1 minggu
Perkuliahan	24 Ogos-18 Sept 2009	4 minggu
Cuti Khas ¹ (Hari Raya Puasa)	19 Sept - 27 Sept 2009	1 minggu
Perkuliahan	28 Sept - 23 Okt 2009	4 minggu
Cuti Ulangkaji	24 Okt -1 Nov 2009	1 minggu
Minggu Peperiksaan	2 Nov - 22 Nov 2009	3 minggu
Cuti Semester	23 Nov - 27 Dis 2009	5 minggu

SEMESTER 2

Aktiviti	Tarikh	Tempoh
Pendaftaran Pelajar Lama	21 Dis - 27 Dis. 2009	1 minggu
Perkuliahan	28 Dis - 12 Feb 2010	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	13 Feb - 21 Feb 2010	1 minggu
Perkuliahan	22 Feb - 9 April 2010	7 minggu
Minggu Ulangkaji	10 April - 18 April 2010	1 minggu
Minggu Peperiksaan	19 April - 8 Mei 2010	3 minggu
Cuti Panjang	9 Mei - 4 Julai 2010	8 minggu

ANTARSESI		
<u>Aktiviti</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Tempoh</u>
Pendaftaran Pelajar Lama	3 Mei - 7 Mei 2010	2 hari
Perkuliahahan	10 Mei - 4 Julai 2010	8 minggu

- | | |
|----------------------------|-----------------------------|
| 1. 31 Ogos 2009 | Hari Kebangsaan |
| 2. *20 & 21 September 2009 | Hari Raya Puasa |
| 3. 17 Oktober 2009 | Deepavali |
| 4. *27 November 2009 | Hari Raya Qurban |
| 5. *18 Disember 2009 | Awal Muharram (1431 Hijrah) |
| 6. 25 Disember 2009 | Krismas |
| 7. 1 Januari 2010 | Tahun Baru |
| 8. 14 & 15 Februari 2010 | Tahun Baru Cina |

*Nota : *Tertakluk pada pindaan*



The Signature Faculty



Fakulti Sains Kognitif dan
Pembangunan Manusia
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak
Tel 6082 581 000
Fax 6082 581 567
www.unimas.my